2013

LAPORAN TAHUNAN

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

M A L A Y S I A



VISI

Menjadi agensi peneraju yang dinamik dan berwibawa dalam urusan pelantikan dan perkhidmatan penjawat awam.

MISI

Melantik penjawat awam yang berkualiti dan menguruskan hal ehwal perkhidmatan secara cekap dan berkesan bagi memenuhi keperluan negara.

MOTO

Mudah, Cepat dan Tepat.





Kandungan

Visi, Misi, Moto	1
Perutusan Pengerusi	4
Ringkasan Eksekutif	6
Latar Belakang	10
Ahli-Ahli Suruhanjaya	14
Pegawai Tugas-tugas Khas	16
Urus Setia Suruhanjaya	18
Transformasi SPA	22
Pelantikan Anggota Perkhidmatan Awam	32
Pengesahan Perkhidmatan, Pemberian Taraf Berpencen dan Pertukaran Perkhidmatan	62
Kenaikan Pangkat dan Kawalan Tatatertib	76
Bajet	82
Keratan Akhbar	84
Aktiviti-aktiviti Suruhanjaya	96
Aktiviti Sukan dan Sosial Warga SPA	114
Lampiran A	122



Perutusan Pengerusi

Assalamualaikum, salam sejahtera dan salam 1Malaysia,

Setinggi tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya jua, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) telah berjaya menerbitkan Laporan Tahunan 2013 berdasarkan fungsi-fungsinya mengikut peruntukan Fasal (1) Perkara 144 Perlembagaan Persekutuan. Saya percaya laporan ini akan menjadi bahan rujukan serta panduan yang merekodkan pencapaian, aktiviti serta usaha gigih setiap warga SPA baik dari Ahli Suruhanjaya sehingga ke peringkat Urus Setia sepanjang tahun 2013.

Sepanjang tahun 2013, SPA telah berjaya membuktikan kemampuannya dan kerelevanan sebagai Pihak Berkuasa Melantik apabila statistik permohonan calon telah mencecah 2,120,136 juta, satu pencapaian yang tinggi dalam sejarah SPA. Tidak dinafikan komitmen bersepadu dari seluruh warga SPA dalam menggalas agenda transformasi negara berjaya membuktikan SPA merupakan badan yang terunggul dan berwibawa baik dari segi fungsi dan peranannya. Segala usaha transformasi yang telah, sedang dan akan diusahakan oleh pihak SPA ini adalah demi memenuhi aspirasi rakyat serta memberi fokus kepada keutamaan rakyat dan mengoptimakan penggunaan sumber awam untuk mencapai impak yang diharapkan.

Sebagai agensi yang berperanan sebagai pintu gerbang perkhidmatan awam, SPA menanam iltizam untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti yang mempunyai nilai produktiviti yang tinggi berdasarkan pendekatan *Blue Ocean Strategy* yang tidak melibatkan pindaan undang-undang, pertambahan peruntukan kewangan dan pertambahan jawatan. Pendekatan ini juga popular dan disukai rakyat dan menghasilkan impak *win-win situation.* Suruhanjaya ini juga membuka langkah baru dengan menjalinkan kerjasama dengan Badan-Badan Bukan Kerajaan, Institusi-Institusi Pengajian Tinggi, Guru-Guru Kaunseling di sekolah dalam memastikan SPA terus dikenali dan sentiasa peka dengan kehendak perubahan semasa ke arah merakyatkan perkhidmatan awam.

Bagi tahun ini, seramai 2,120,136 calon telah mengemukakan permohonan jawatan dengan SPA. Daripada jumlah tersebut, seramai 262,911 calon telah dipanggil temu duga dan 60,059 calon telah berjaya dilantik. Daripada jumlah yang dilantik, seramai 45,392 adalah calon Melayu, 2,901 calon berketurunan Cina, 2,018 calon berketurunan India, 4,478 calon Bumiputera Sabah dan 4,083 calon Bumiputera Sarawak dan selebihnya adalah lain-lain keturunan. Ini sekaligus menunjukkan peningkatan permohonan dan pelantikan calon-calon bukan Melayu berbanding tahun 2012 selaras dengan usaha kerajaan untuk meningkatkan penyertaan kaum bukan Melayu dalam perkhidmatan awam.

Selain itu, dalam tempoh yang sama, seramai 23,931 pegawai telah disahkan dalam perkhidmatan, 21,240 pegawai diberi taraf berpencen dan seramai 72 pegawai telah membuat rayuan kenaikan pangkat. SPA juga telah memutuskan 127 kes tindakan tatatertib dan 610 kes rayuan tatatertib. Dalam tahun 2013, SPA telah mengadakan 44 kali Mesyuarat Suruhanjaya, 44 kali Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib dan 40 kali Mesyuarat Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat melibatkan 2,865 kertas Mesyuarat Suruhanjaya.

Akhir kata, selaku Pengerusi SPA, saya merakamkan penghargaan kepada jentera pentadbiran dan warga SPA seluruhnya atas semua usaha dan komitmen bagi memenuhi hasrat dan tanggungjawab yang diamanahkan. Saya juga berharap agar SPA akan terus sama-sama menempa kejayaan demi kejayaan di masa-masa akan datang. Saya yakin SPA akan terus dapat mendepani cabaran yang mendatang. Saya berdoa semoga segala usaha yang kita lakukan akan diberkati dan dipermudahkan oleh Allah S.W.T. jua.

Selamat maju jaya dan salam hormat daripada saya,

TAN SRI MAHMOOD BIN ADAM
Pengerusi
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia

RINGKASAN EKSEKUTIF



RINGKASAN EKSEKUTIF

Laporan Tahunan SPA ini disediakan sebagai memenuhi peruntukan Fasal (1) Perkara 146 Perlembagaan Persekutuan yang menghendaki Suruhanjaya menyediakan suatu laporan tahunan mengenai kegiatannya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan salinannya dibentangkan di kedua-dua Dewan Parlimen.

SPA telah ditubuhkan di bawah Fasal (1) Perkara 139 Perlembagaan Persekutuan sebagai sebuah badan bebas yang dipertanggungjawabkan dengan fungsi melantik, mengesahkan, memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpencen, menaikkan pangkat, menukar dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota dalam perkhidmatan di bawah bidang kuasanya mengikut peruntukan Fasal (1) Perkara 144 Perlembagaan Persekutuan.

Untuk membolehkan Suruhanjaya melaksanakan semua fungsi yang diamanahkan kepadanya, Fasal (4) Perkara 139 Perlembagaan Persekutuan menetapkan ahlinya terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan tidak lebih 30 orang ahli (minimum 4 orang). Ahli Suruhanjaya dibantu oleh Urus Setia termasuk Urus Setia Cawangan Sarawak dan Urus Setia Cawangan Sabah yang diketuai oleh seorang Setiausaha.

Untuk tahun 2013, di bawah Maksud Bekalan (B05), Suruhanjaya telah diperuntukkan sebanyak RM49,646,000.00. Daripada jumlah itu sebanyak RM18,601,700.00 untuk Emolumen; RM30,944,300.00 untuk Perkhidmatan dan Bekalan; dan RM100,000.00 untuk Aset Pemberian. Perbelanjaan sebenar sehingga tarikh penutupan Akaun Awam adalah sebanyak RM49,645,917.00 atau 100%.

Di bawah maksud Tanggungan (T09), Suruhanjaya telah diluluskan peruntukan berjumlah RM7,490,000.00 berdasarkan peruntukan ini, sebanyak RM3,590,000.00 untuk Emolumen; RM3,800,000.00 untuk Perkhidmatan dan Bekalan dan RM100,000.00 untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap. Peruntukan yang telah dibelanjakan sehingga tarikh akaun awam tahun 2013 ditutup ialah RM5,323,398.07atau 71.07%.

Urusan Suruhanjaya sepanjang tahun 2013 adalah seperti berikut:

BIL.	PERKARA	JUMLAH
1.	Permohonan ■ Bilangan Permohonan Diterima	2,120,136
2.	Pengambilan ■ Bilangan Urusan Pengambilan	218
3.	Pelantikan ■ Bilangan Pelantikan Tetap*	38,659
	■ Bilangan Pelantikan Kontrak	21,400
4.	Urusan Perkhidmatan ■ Bilangan Pengesahan Pelantikan	29,093
	■ Bilangan Pengesahan Dalam Perkhidmatan	23,931
	■ Bilangan Pelanjutan Tempoh Percubaan	2,186

BIL.	PERKARA	JUMLAH
	■ Bilangan Pemberian Taraf Berpencen	21,240
	■ Bilangan Kembali ke dalam Skim Perkhidmatan Terdahulu	7
	■ Bilangan Pembatalan Tawaran Pelantikan	12
	■ Bilangan Penamatan Perkhidmatan	207
	■ Bilangan Pertukaran Perkhidmatan	159
	■ Bilangan Penetapan Gaji Permulaan	1,888
	■ Bilangan Pertukaran Sementara, Peminjaman dan Pertukaran Tetap	1,282
	■ Bilangan Pelepasan Untuk Peminjaman dan Pertukaran Pelantikan	155
	■ Bilangan Pertukaran Pelantikan Melalui Pemberian Opsyen	610
5.	Urusan Kenaikan Pangkat dan Tatatertib ■ Bilangan Kenaikan Pangkat	2

** Jumlah ini termasuk yang dilatih seramai 6,974*

Mesyuarat Suruhanjaya sepanjang tahun 2013 adalah seperti berikut:

BIL.	PERKARA	JUMLAH
1.	Mesyuarat ■ Bilangan Mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	44 kali
	■ Bilangan Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam	44 kali
	■ Bilangan Mesyuarat Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam	40 kali



LATAR BELAKANG



PENUBUHAN

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) Malaysia telah ditubuhkan mengikut Fasal (1) Perkara 139 Perlembagaan Persekutuan pada 31 Ogos 1957.

TUGAS SURUHANJAYA

Selaras dengan Fasal (1) Perkara 144 Perlembagaan Persekutuan, Suruhanjaya bertanggungjawab:

- melantik;
- mengesahkan;
- memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpencen;
- menaikkan pangkat;
- menukar; dan
- menjalankan kawalan tatatertib ke atas pegawai yang berada dalam perkhidmatan di bawah bidang kuasanya.

BIDANG KUASA

Bidang kuasa Suruhanjaya meliputi:

- Pegawai Perkhidmatan Awam Am Persekutuan di bawah Perenggan 132 *(1) (c)* Perlembagaan Persekutuan;
- Anggota Perkhidmatan Awam Bersama yang am bagi Persekutuan dan bagi satu atau beberapa buah negeri yang ditubuhkan oleh undang-undang Persekutuan sebagai satu perkhidmatan awam di bawah Perenggan 132 *(1)(f)* Perlembagaan Persekutuan; dan
- Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis.

KUASA SURUHANJAYA KE ATAS PERKHIDMATAN AWAM

Negeri Melaka dan Pulau Pinang

Kuasa Suruhanjaya ke atas pegawai dalam Perkhidmatan Awam Negeri Melaka dan Pulau Pinang diperuntukkan di bawah Fasal (1) Perkara 139 Perlembagaan Persekutuan.

Negeri Sembilan

Kuasa Suruhanjaya ke atas pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sembilan telah diberikan melalui Public *Services Commission (Extension of Jurisdiction) Enactment* 1959 Negeri Sembilan dan *Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Order,* 1961 Negeri Sembilan selaras dengan peruntukan Fasal (2) Perkara 139 Perlembagaan Persekutuan yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Sembilan. Suruhanjaya mempunyai bidang kuasa meliputi semua pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sembilan kecuali:

- Pengelola Bijaya Diraja;
- Juruiring kepada Yang di-Pertuan Besar;
- Setiausaha Sulit kepada Yang di-Pertuan Besar;
- Pegawai Kerani kepada Undang; dan
- Penghulu.

Negeri Perlis

Selaras dengan peruntukan Fasal (2) Perkara 139, Perlembagaan Persekutuan, kuasa Suruhanjaya ke atas pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Perlis telah diberikan melalui *Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Enactment* 1958 Negeri Perlis dan *Public Services Commission (Extended Jurisdiction) Order,* 1960 Negeri Perlis yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Perlis. Di bawah undang-undang ini, Suruhanjaya mempunyai bidang kuasa ke atas semua pegawai perkhidmatan awam Negeri Perlis kecuali:

- Pegawai Agama di Jabatan Hal Ehwal Agama dan Adat Istiadat Melayu;
- Pegawai dalam Bahagian IV;
- Penghulu dan Penolong Penghulu; dan
- Pekerja bergaji hari.

KUASA SURUHANJAYA YANG DIWAKILKAN

Fasal (6) Perkara 144 Perlembagaan Persekutuan membolehkan Suruhanjaya mewakilkan kuasanya kepada kementerian/jabatan dan pentadbiran negeri bagi melantik, mengesahkan dalam perkhidmatan dan memberi taraf berpencen. Setakat ini, pewakilan kuasa yang diberikan adalah seperti berikut:

- perwakilan kuasa kepada Ketua Setiausaha Negara untuk melantik secara kontrak Setiausaha Sulit Kanan, Setiausaha Sulit dan Setiausaha Akhbar kepada Menteri dan Timbalan Menteri melalui P.U.(B) 16/1998;
- perwakilan kuasa kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan untuk melantik, mengesah dalam perkhidmatan dan memasukkan ke dalam perjawatan berpencen jawatan-jawatan di bawah bidang kuasa perkhidmatan awam Negeri Sembilan melalui P.U.(B) 74/1993; dan
- perwakilan kuasa kepada Ketua Kementerian/ Jabatan untuk melantik, mengesah dalam perkhidmatan dan memasukkan ke dalam perjawatan berpencen jawatan-jawatan tertentu dalam kumpulan sokongan di bawah bidang kuasa Perkhidmatan Awam Am Persekutuan dan pentadbiran Negeri Pulau Pinang dan Melaka melalui P.U.(B) 496/1997.

PENUBUHAN PIHAK BERKUASA TATATERTIB DAN KENAIKAN PANGKAT

Perenggan 144*(5B)(i)* Perlembagaan Persekutuan serta Seksyen 3(3), *Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Enactment* 1958 Negeri Perlis dan *Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Enactment* 1959 Negeri Sembilan memperuntukkan bahawa semua kuasa dan tugas Suruhanjaya selain daripada kuasa membuat pelantikan pertama ke perjawatan tetap atau berpencen, boleh dijalankan oleh suatu lembaga yang dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau Raja Pemerintah negeri berkenaan.

Selaras dengan peruntukan tersebut, lembaga tatatertib dan lembaga kenaikan pangkat telah ditubuhkan di peringkat kementerian, jabatan dan pentadbiran negeri yang berkenaan bagi menjalankan sebahagian kuasa dan tugas Suruhanjaya berhubung kawalan tatatertib dan kenaikan pangkat.

WAKIL SURUHANJAYA DALAM SURUHANJAYA PASUKAN POLIS

Selaras dengan Perenggan 140*(3)(d)* Perlembagaan Persekutuan, seorang Ahli Suruhanjaya iaitu YBhg. Datuk Zainol bin Othman telah dipilih mewakili Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dalam Suruhanjaya Pasukan Polis bermula daripada 31 Disember 2012 hingga kini.




PASDEC
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA


AHLI-AHLI SURUHANJAYA



AHLI-AHLI SURUHANJAYA

Ahli Suruhanjaya dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah Fasal (4) Perkara 139 Perlembagaan Persekutuan. Ahli Suruhanjaya terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan tidak lebih 30 orang ahli biasa (minimum 4 orang). Dalam tahun 2013, Suruhanjaya dianggotai oleh:






1. Tan Sri Mahmood bin Adam - Pengerusi
2. Dato' R. Segarajah - Timbalan Pengerusi
3. Datu Mohammed Sepuan bin Anu
4. Datuk Zainol bin Othman
5. Encik Isaka anak Kana
6. Encik Boon Jon Lee
7. Datuk Mohd Zain bin Mohd Dom
8. Tuan Haji Sumali bin Amat
9. Dato' Mhd Najri bin Abd Hamid
10. Tuan Haji Mohd. Zanudin bin Ahmad Rasidi
11. Dato' Amiruddin bin Alias

PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS



PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS





1. Datuk Salim bin Hashim
2. Tuan Haji Aziz bin Othman
3. Dato' Abdul Abas bin Abdul Rahman
4. Ir. Lee Soon Jin
5. Datin Norasmah binti Samsudin
6. Encik Thilaganaban a/l Mariappen
7. Puan Thoong Lay Choi
8. Datuk Mustapha bin Ahmad S Marican
9. Dato' Dr. Hj. Ramlee bin Hj Rahmat


URUS SETIA SURUHANJAYA



URUS SETIA SURUHANJAYA

Urus Setia Suruhanjaya diketuai oleh seorang Setiausaha dibantu oleh dua (2) orang Timbalan Setiausaha, 12 orang Setiausaha Bahagian, seorang Penasihat Undang-Undang, serta 524 orang pegawai pelbagai pangkat dan gred.

Urus Setia Suruhanjaya terletak di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya; Cawangan di Kota Kinabalu bagi Negeri Sabah dan di Kuching bagi Sarawak.



SPA juga mempunyai pusat-pusat temu duga di sepuluh (10) buah negeri untuk melancarkan urusan Urus Setia Suruhanjaya dan untuk keselesaan calon. Pusat temu duga ini adalah merupakan *One Stop Centre* yang berkeupayaan untuk menyalurkan maklumat kepada pelanggan seperti pelajar-pelajar sekolah, Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta serta pertubuhan-pertubuhan. Pusat ini dilengkapi dengan infrastruktur moden dan lengkap dengan kemudahan dan peralatan bagi jawatan-jawatan yang mensyaratkan lulus ujian fizikal sebelum dipanggil temu duga.

Bagi memberi nilai tambah, pusat temu duga ini turut menjadi pusat rujukan bagi pelanggan dan orang awam mendapatkan perkhidmatan yang disediakan oleh SPA. Antaranya kemudahan permohonan jawatan secara *online* yang diberikan secara percuma. Pusat ini juga berperanan untuk memudahkan orang ramai mendapatkan panduan yang tepat mengenai jawatan yang bersesuaian berdasarkan kelayakan akademik melalui khidmat nasihat daripada pegawai bertugas. Panduan dan tatacara menghadiri temu duga anjuran SPA juga boleh didapati di pusat temu duga. Pusat-pusat temu duga SPA adalah terletak di negeri-negeri berikut:

- Putrajaya;
- Kuala Lumpur;
- Alor Setar, Kedah;
- Kota Bharu, Kelantan;
- Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau, Sabah;
- Kuching, Miri dan Sibu,Sarawak;
- Johor Bahru, Johor;
- Ipoh, Perak;
- Kuantan, Pahang; dan
- Melaka.

URUS SETIA SURUHANJAYA





1. Datuk Ramli bin Juhari - Setiausaha
2. Puan Lim Mooi Eia - Timbalan Setiausaha (Perkhidmatan)
3. Encik Zainal Abidin bin Ahmad - Timbalan Setiausaha (Pengambilan)
4. Puan Salmah binti Idris
5. Tuan Haji Abdullah bin Tahir
6. Encik Ikhbal Hanam bin Mukras
7. Encik Mohd Shaiful bin Ibrahim
8. Encik Mohd Nazri bin Dollah
9. Puan Faidzah binti Arshad
10. Encik Shafarin bin Nasuredin
11. Tuan Haji Kamarudzaman bin Hassan
12. Encik Anuar bin Othman
13. Tuan Haji Musa bin Sulaiman
14. Puan Noorafiza binti Mat
15. Abdul Halim Bin Abang Naili
16. Dr. Surinasirah binti Pakih



TRANSFORMASI SPA



PENGENALAN

Pelbagai transformasi telah dilaksanakan bagi menambah baik dan memantapkan penyampaian perkhidmatan SPA. Transformasi yang dilaksanakan ini juga adalah selaras dengan teras Pelan Strategik SPA yang merangkumi aspek pemantapan organisasi, pengukuhan infrastruktur, pembangunan modal insan, pembudayaan inovasi dalam sistem kerja, mempertingkatkan penyelidikan dan pembangunan, mengoptimumkan penggunaan dan pembudayaan ICT, perluasan pakatan strategik dan peningkatan dan pemerkasaan imej SPA.

PEMANTAPAN ORGANISASI

1. Penyertaan Urus Setia SPA Cawangan Sabah dan Sarawak di Mesyuarat Suruhanjaya

Urus Setia SPA Cawangan Sabah dan Sarawak perlu hadir ke Mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia yang diadakan pada setiap hari Isnin setiap minggu. Ini juga merupakan satu pendedahan secara langsung kepada wakil SPA di Sabah dan Sarawak untuk mengetahui dan memahami isu-isu yang dibincangkan serta perjalanan mesyuarat.

2. Perbincangan Mingguan Bersama Ahli Suruhanjaya

Pengerusi Suruhanjaya membuat perjumpaan bersama Ahli-Ahli Suruhanjaya dan Pegawai Tugas-tugas Khas setiap hari Isnin sebelum Mesyuarat Suruhanjaya diadakan. Perjumpaan ini bertujuan untuk mendapatkan input dan maklumbalas terkini bagi menambahbaik dasar di Suruhanjaya ini.

PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR

1. Program 'Anak Angkat' Pusat Temu Duga SPA Seluruh Malaysia oleh Setiausaha Bahagian (SUB)

Setiap SUB dipertanggungjawab sebuah Pusat Temu duga untuk memastikan Pusat-Pusat Temu Duga Suruhanjaya diselenggara dan diuruskan dengan baik. Usaha ini bagi memantapkan urus tadbir Pusat-pusat Temu duga.

2. Penyediaan Jadual Giliran Harian Pengurusan Atasan bagi Tujuan Rondaan/Kawasan Bahagian

Inisiatif 'turun padang' oleh pengurusan atasan bagi memantau operasi di samping mendapatkan maklum balas dan pandangan warga Suruhanjaya.

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

1. Perjumpaan dan Sesi Dialog Pengerusi Suruhanjaya Bersama Warga Suruhanjaya

Sesi dialog ini bertujuan untuk memastikan semua dasar yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya ini difahami oleh warganya. Pandangan semua warga Suruhanjaya dari pelbagai aspek juga diambil kira bagi menambahbaik fungsi dan dasar perkhidmatan awam.

PEMBUDAYAAN INOVASI DALAM SISTEM KERJA

1. Perbincangan Mingguan bagi Menggubal Soalan-soalan Peperiksaan bagi Bank Data Soalan

Ahli Suruhanjaya dan pegawai kanan SPA dilibatkan dalam penggubalan dan penilaian set soalan-soalan peperiksaan dalam membantu mewujudkan koleksi soalan-soalan yang berkualiti dan relevan.

2. Tiada Temu Duga bagi Calon yang Diluluskan Pertukaran Pelantikan

Calon yang diluluskan pertukaran pelantikan tidak perlu ditemu duga oleh Suruhanjaya dengan syarat calon memenuhi syarat skim perkhidmatan berkenaan.

3. Tiada Temu Duga bagi Lepasan Latihan Jururawat Peningkatan Secara Lantikan (PSL)

Pelatih Jururawat Peningkatan Secara Lantikan (PSL) yang tamat latihan dan diperakukan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak perlu ditemu duga semula sebaliknya akan terus dilantik ke jawatan Jururawat Gred U29.

4. Menghapuskan Dasar *One Step Lower*

Calon yang memiliki kelayakan minimum bagi sesuatu jawatan boleh memohon jawatan tersebut walaupun memiliki kelayakan yang lebih tinggi.

5. Meletakkan Nama Panel Temu Duga Dalam Surat panggilan Temu Duga Kepada Calon

Suruhanjaya bersetuju meletakkan nama panel temu duga dalam surat panggilan temu duga kepada calon sebagai menambah baik urusan temu duga. Ia juga sebagai langkah ketelusan dan keterbukaan dalam penyampaian perkhidmatan Suruhanjaya ini.

6. Pendekatan Temu Duga dengan Melihat Kesesuaian Jawatan yang Lain

Calon yang hadir bagi sesuatu jawatan tertentu dilihat kesesuaiannya ke jawatan yang lain berdasarkan kompetensi calon. Cadangan jawatan yang bersesuaian boleh direkod oleh Pengerusi Lembaga Temu Duga (LTD) yang dilantik dan dimasukkan ke dalam Sistem Mengambil Sepanjang Masa (e-SMSM) bagi tujuan pelantikan untuk jawatan yang disyorkan jika terdapat kekosongan.

7. Temu Duga Secara Panggilan Telefon

Temu duga secara panggilan telefon dilaksanakan bagi memudahkan calon yang tidak dapat hadir temuduga. Tatacara pengendalian temu duga ini juga akan diedarkan kepada Ahli-Ahli Suruhanjaya sebagai rujukan.

8. Temu Duga Dijalankan Sepenuhnya oleh Kementerian/Jabatan

Perwakilan kuasa secara *one-off* kepada Kementerian dan Jabatan dilaksanakan untuk mengendalikan sepenuhnya urusan temu duga.

9. Melaksanakan Sistem Temu Duga Bersepadu (SISTEB)

Sistem ini dilaksanakan bagi pengambilan calon ke skim perkhidmatan dalam klasifikasi perkhidmatan yang sama dan mempunyai syarat lantikan yang sama. Ia juga dilaksanakan bagi Latihan Separa Perubatan.

10. Perwakilan Kuasa Pelantikan Kontrak OS29000

Calon yang diperakukan oleh Kementerian/Jabatan yang pertama kali dilantik secara kontrak di bawah OS29000 diwakilkan kuasa temu duga kepada pihak Kementerian/Jabatan. Calon lantikan kontrak yang mengisi jawatan tetap di bawah OS11000 juga diwakil kuasa temu duga kepada Kementerian/Jabatan oleh Suruhanjaya.

11. Temu Duga Khas / *Best Talent*

Suruhanjaya mengadakan Temu Duga Khas/ *Best Talent* bagi calon-calon berikut:

a. memperolehi Ijazah Kelas Pertama; dan
b. memenangi pingat mewakili negara dalam sukan di peringkat antarabangsa seperti Sukan Olimpik dan Sukan Komanwel.

Pelantikan mereka ke jawatan-jawatan yang bersesuaian adalah berdasarkan kelulusan yang dimiliki.

12. Mewujudkan Jawatan Pegawai Tugas-Tugas Khas di SPA

Jawatan Pegawai Tugas-Tugas Khas Suruhanjaya diperkenalkan hasil dari Lawatan Kerja di Negara Brunei. Ia diwujudkan bagi membantu urusan temu duga serta urusan yang berkaitan di Suruhanjaya ini. Ia juga merupakan usaha bagi menghargai sumbangan dan pengalaman perkhidmatan mereka dalam perkhidmatan awam untuk menambahbaik urusan yang dijalankan oleh Suruhanjaya. Seramai sembilan (9) Pegawai Tugas–Tugas Khas (Gred 54) yang merupakan bekas Ahli Suruhanjaya telah dilantik di Suruhanjaya ini mulai 25 Mac 2013 seperti berikut:

- YBhg. Dato' Dr. Hj Ramlee bin Hj Rahmat
- YBhg. Dato' Abdul Abas bin Abd Rahman
- Y Bhg. Datin Norasmah bt Samsudin
- Puan Thoong Lay Chooi
- Ir. Lee Soon Jin
- Tuan Haji Aziz bin Othman
- YBhg. Datuk Salim Hashim
- YBhg. Datuk Mustapha Ahmad S. Marican
- Encik Thilaganaban a/l S. Mariappan

13. Urusan Pertukaran Pelantikan dan Perkhidmatan Dipengerusikan oleh Pengerusi Suruhanjaya

Semua urusan pertukaran pelantikan dan perkhidmatan di bawah bidang kuasa Suruhanjaya diambil alih dan dipengerusikan oleh YBhg. Pengerusi SPA Malaysia di Mesyuarat Suruhanjaya yang diadakan secara mingguan mulai 22 April 2013.

14. Garis Panduan Hukuman Tatatertib (Baru)

Senario pelaksanaan hukuman tatatertib yang dijatuhkan oleh Lembaga Tatatertib Kementerian/Jabatan mempunyai pelbagai perbezaan. Oleh itu, SPA mewujudkan satu Garis Panduan Hukuman Tatatertib bagi semua kes-kes yang dikendalikan oleh Kementerian/Jabatan sebagai rujukan umum dan bukan satu garis panduan penetapan hukuman yang perlu dipatuhi sepenuhnya oleh Kementerian/Jabatan.

15. Perubahan Agenda Mesyuarat Suruhanjaya

Agenda Mesyuarat Suruhanjaya disusun semula mengikut fungsi dan bidang tugas Suruhanjaya seperti yang dinyatakan dalam Perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan iaitu untuk melantik, mengesahkan, memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpencen, menaikkan pangkat menukar dan menjalankan kawalan tatatertib. Oleh yang demikian, agenda Mesyuarat Suruhanjaya adalah bermula daripada pertimbangan kertas pelantikan, pengesahan dalam perkhidmatan, pemberian taraf berpencen, tindakan tatatertib, rayuan kenaikan pangkat dan seterusnya rayuan tatatertib.

16. Penghantaran Pakej Suruhanjaya oleh Pegawai Bertugas pada Setiap Minggu

Penghantaran pakej Suruhanjaya pada hujung minggu dilaksanakan oleh pegawai di Gred 27 sehingga 48 bagi mematuhi arahan prosedur keselamatan dokumen terperingkat.

17. Penambahbaikan Pelaksanaan Pengelasan dan Dokumen Terperingkat di SPA

Penambahbaikan proses kerja yang melibatkan dokumen terperingkat telah dikenalpasti dan dilaksanakan. Antaranya ialah mewujudkan buku daftar untuk dokumen terperingkat, mematuhi *Standard Operating Procedure (SOP)* dalam membawa masuk/keluar dokumen terperingkat termasuklah salinan digital dokumen berkenaan.

18. Kaedah Penulisan Minit Mesyuarat Suruhanjaya

Maklum balas dan tindakan bagi setiap perutusan Pengerusi dan hal-hal lain diminitkan dan dibentangkan di Mesyuarat Suruhanjaya untuk rujukan dan pemantauan bersama.

19. Penambahbaikan Hala Tuju Perancangan Strategik Suruhanjaya

Setiap transformasi Suruhanjaya yang dilaksanakan diselaraskan dengan Perancangan Strategik Suruhanjaya. Ini bagi memastikan matlamat untuk memberi perkhidmatan yang cekap dan efisien dapat dicapai.

20. Penubuhan 37 Jawatankuasa Khas bagi Tujuan Penambahbaikan Perkhidmatan SPA

Sebanyak 37 Jawatankuasa Khas telah ditubuhkan bagi menambahbaik pengurusan yang melibatkan semua operasi seperti berikut:

1. Jawatankuasa Khas Integriti
2. Jawatankuasa Khas Keselamatan Dan Perlindungan
3. Jawatankuasa Khas *Key Performance Indicator* (KPI)
4. Jawatankuasa Khas Strategi Media
5. Jawatankuasa Khas ICT
6. Jawatankuasa Khas Transformasi
7. Jawatankuasa Khas Kolaborasi – NGO
8. Jawatankuasa Khas *Star Rating*
9. Jawatankuasa Khas Interaksi Bersama Kementerian/Jabatan
10. Jawatankuasa Khas Portal/ Laman Web SPA
11. Jawatankuasa Khas Kemahiran Bersama Pelanggan
12. Jawatankuasa Khas Urusan Pelaksanaan Temu Duga SPA
13. Jawatankuasa Khas Penyelarasan Kelab Sukan SPA
14. Jawatankuasa Khas Perancangan Dasar SPA
15. Jawatankuasa Khas Penggubalan Soalan Peperiksaan
16. Jawatankuasa Khas Pengurusan Data dan Statistik SPA
17. Jawatankuasa Khas Buku Laporan Tahunan SPA
18. Jawatankuasa Khas Pengurusan Aduan dan *One Stop Centre*
19. Jawatankuasa Khas Kerohanian dan Keagamaan
20. Jawatankuasa Khas Pendaftaran *Online* dan Pengkhususan Bidang Mengikut Jawatan
21. Jawatankuasa Khas Sumber Manusia
22. Jawatankuasa Khas Audit dan Akaun
23. Jawatankuasa Khas Urusan Naik Pangkat & Tatatertib
24. Jawatankuasa Khas Urusan Perkhidmatan
25. Jawatankuasa Khas Jemaah Menteri/ Kabinet/ Parlimen
26. Jawatankuasa Khas Sabah
27. Jawatankuasa Khas Sarawak
28. Jawatankuasa Khas Sambutan Jubli Intan SPA 60 Tahun
29. Jawatankuasa Khas Pegawai-Pegawai di Gred 41 – 48
30. Jawatankuasa Khas Perhubungan Antarabangsa
31. Jawatankuasa Khas Ujian Pemeriksaan Fizikal dan Pancaindera dan Kecergasan
32. Jawatankuasa Khas Bahasa Inggeris
33. Jawatankuasa Khas Pengurusan Stor
34. Jawatankuasa Khas Pengurusan Rekod (Pengurusan Fail dan Surat Menyurat)
35. Jawatankuasa Khas Penyelarasan Kursus
36. Jawatankuasa Khas Pengurusan Organisasi
37. Jawatankuasa Khas P.U.(B) 496/1997

21. Menjalankan Temu Duga Waktu Malam dan Hujung Minggu

Temu duga pada waktu malam dan hujung minggu dijalankan atas permintaan calon bagi memberi kemudahan kepada calon yang sukar mendapatkan cuti untuk menghadiri temu duga pada hari bekerja.

22. Waktu Panggilan Temu Duga Berperingkat (Mengikut Jam)

Panggilan temu duga kepada calon dibuat mengikut jam. Bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Sokongan I, sebanyak 4 calon akan dipanggil bagi setiap jam, manakala Kumpulan Sokongan II sebanyak 5 calon akan dipanggil bagi setiap jam.

23. Nisbah Calon Temu Duga Ditingkatkan Kepada 1:15

Peningkatan nisbah calon temu duga dilaksanakan bagi membolehkan lebih ramai calon berpeluang untuk menghadiri temu duga. Bilangan calon temu duga harian ditambah daripada 15 kepada 30 bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan daripada 30 kepada 40 bagi Kumpulan Sokongan untuk membolehkan lebih ramai calon dipanggil temu duga.

24. Pelantikan Semula Pegawai Perubatan Tanpa Temu Duga

Pegawai Perubatan yang telah meletak jawatan boleh dilantik semula secara tetap atau pun kontrak tanpa perlu dipanggil temu duga.

25. Pelantikan Tetap Pegawai Tadbir Diplomatik (PTD) Kontrak

Suruhanjaya melantik Pegawai Tadbir Dan Diplomatik (PTD) Gred M41 yang masih berstatus kontrak ke jawatan tetap. Semua pegawai tersebut pernah lulus dalam peperiksaan dan diperakukan oleh Ketua Jabatan masing-masing.

26. Pengambilan Jururawat Gred U29

SPA bersama KKM dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah bersetuju untuk membuat pengambilan jawatan Jururawat Gred U29 bagi mengisi 2,550 kekosongan. Pengambilan ini dibuat khusus untuk lulusan Diploma Kejururawatan daripada IPTA dan IPTS (bukan tajaan) di mana seramai 15,656 calon telah dipanggil temu duga.

27. Kelonggaran Tapisan bagi Calon Berkelayakan Sarjana dan PhD

Calon berkelayakan Ijazah Sarjana Muda yang tidak melepasi tapisan kerana CGPA yang rendah tetapi mempunyai kelayakan Sarjana atau PhD boleh dipanggil temu duga dengan syarat ijazah pertama diiktiraf, bidang yang relevan dan memenuhi syarat skim perkhidmatan.

28. Pertukaran Tarikh Temu Duga

Permohonan pertukaran tarikh dan tempat temu duga boleh dipertimbangkan berdasarkan permohonan calon. Walau bagaimanapun, pertukaran Lembaga Temuduga (LTD) hanya boleh dibenarkan bagi urusan temuduga yang melibatkan jumlah calon dan LTD yang kecil setelah dimaklumkan terlebih dahulu kepada Pengerusi LTD.

29. Sistem Pemantauan Jadual Temu Duga

Jadual temu duga akan dibentang dan dibincangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Khas Urusan Pelaksanaan Temu Duga SPA untuk tujuan pemantauan dan semakan bersama.

MENGOPTIMUMKAM PENGGUNAAN & PEMBUDAYAAN ICT

1. Tempoh Sah Laku Pendaftaran Dipanjangkan

Tempoh sah laku pendaftaran permohonan jawatan dipanjangkan daripada setahun kepada 5 tahun mulai 1 Jun 2012.

2. Tempoh Sah Laku Peperiksaan Dipanjangkan

Tempoh sah laku peperiksaan dipanjangkan daripada 1 tahun kepada lima 5 tahun diambil kira dari 5 tahun yang lepas. Calon yang telah lulus peperiksaan bagi sesuatu jawatan tidak perlu lagi menduduki peperiksaan tersebut selama 5 tahun sebaliknya hanya perlu melalui proses *assessment* atau temu duga.

3. Permohonan Lebih dari Lima (5) Jawatan

Kemudahan permohonan secara *online* juga telah dikaji secara keseluruhannya. Pada masa kini, pilihan jawatan di dalam Borang SPA8i telah diperbanyakkan bagi membolehkan calon memohon sehingga 15 jawatan.

4. Pindaan Tempoh Sah Laku Calon Simpanan

Tempoh sah laku calon simpanan bukan lagi setahun sebaliknya ia sah sehingga calon dilantik tetap.

5. Pegawai Belum Sah Jawatan Dibenarkan Memohon Jawatan Lain

Calon yang masih belum disahkan dalam perkhidmatan bagi sesuatu jawatan berpeluang memohon jawatan lain.

6. Menghapuskan Penalti Calon yang Menolak Tawaran Pelantikan

Calon yang menolak tawaran pelantikan boleh dipanggil temu duga untuk jawatan yang sama atau jawatan yang lain tanpa dikenakan sebarang penalti.

7. Mempertimbangkan Pelajar Tahun Akhir

Pelajar di semester akhir pengajian boleh dipertimbangkan untuk dipanggil temu duga dengan syarat dapat mengemukakan keputusan peperiksaan akhir.

8. Perakuan ke Jawatan Lain bagi Calon yang Melalui Urusan Pengambilan PTD

Calon yang telah dinilai melalui peperiksaan dan Program *Assesment Centre* (PAC) bagi kemasukan ke jawatan PTD boleh diperakukan ke jawatan yang lain berdasarkan bidang pengajian, minat dan pengalaman calon.

9. Iklan Secara Berterusan

Iklan kekosongan jawatan dibuat secara berterusan di portal SPA, *facebook* dan *twitter.* Di samping itu, iklan juga akan disiarkan di akhbar berbahasa Melayu, Tamil dan Cina, *crawler* di RTM dan hebahan radio. Ini bertujuan agar lebih ramai calon daripada pelbagai latar belakang dan tempat dapat mengakses iklan pengambilan Suruhanjaya ini.

PERLUASAN PAKATAN STRATEGIK

1. Siri *Engagement* dengan Kementerian dan Jabatan

Perkongsian pintar *(smart partnership)* bersama kementerian dan jabatan ini dapat menyelesaikan masalah secara bersama dalam urusan yang dilaksanakan oleh SPA. Contohnya, Suruhanjaya telah mengadakan Mesyuarat Bagi Membincangkan Arahan Pelantikan dan Penempatan Kaum Cina dan India di Kaunter Agensi-Agensi Kerajaan setiap minggu bagi memastikan tindakan proaktif diambil oleh kementerian dan jabatan yang terlibat.

2. Tapisan Awal Sebelum Memanggil Calon Temu Duga

Suruhanjaya akan menjalankan tapisan awal kepada calon yang akan dipanggil temu duga melalui Sistem Semakan Maklumat Individu (SSMI). Tapisan ini melibatkan semakan taraf kewarganegaraan, status kebankrapan dan rekod jenayah. Untuk tujuan itu, Suruhanjaya sedang bekerjasama dengan jabatan seperti Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Insolvensi Malaysia dan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan.

3. Kerjasama SPA Bersama Pengerusi dan Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Yang Lain

SPA sentiasa bersedia dan bekerjasama melalui perkongsian maklumat dengan Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan lain dalam semua urusan dijalankan. Perkongsian maklumat ini akan memberi impak positif jika semua Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan dapat memberikan komitmen yang tinggi dalam urusan pengambilan, perkhidmatan dan naik pangkat dan tatatertib. Sebagai contoh, kerjasama ini juga akan digunakan bagi menyiarkan iklan kekosongan jawatan dalam perkhidmatan awam bagi tahun 2013.

4. Menubuhkan Jawatankuasa Khas Bagi Menambahbaik Urusan di SPA

Suruhanjaya telah menubuhkan lapan (8) Jawatankuasa Khas bagi menambah baik urusan pengambilan dan perkhidmatan di SPA seperti Jawatankuasa Khas Mengkaji Penyertaan Kaum Cina, Jawatankuasa Khas Mengkaji Penyertaan Kaum India, Jawatankuasa Khas Bagi Mengkaji Urusan Pengambilan Orang Dayak, Jawatankuasa Khas Bagi Mengkaji Urusan Pengambilan Negeri Kelantan, Jawatankuasa Khas Membincangkan Isu Lantikan Kontrak Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional (JPNIN), KEMAS dan Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK). Jawatankuasa Khas Penyertaan Kaum Melayu Dalam Perkhidmatan Awam juga telah diwujudkan.

5. Sesi Perkongsian Ilmu di Mesyuarat Suruhanjaya

Sesi perkongsian ilmu akan dimasukkan sebagai salah satu agenda Mesyuarat Suruhanjaya sebagai medan untuk menambah ilmu pengetahuan dalam urusan yang dijalankan dan pengetahuan semasa kepada semua Ahli-Ahli Suruhanjaya dan pegawai-pegawai di Suruhanjaya ini.

6. Kunjungan Mesra Ahli Suruhanjaya dan Pegawai Tugas-Tugas Khas ke Kementerian / Jabatan

Ahli-Ahli Suruhanjaya dan Pegawai Tugas-Tugas Khas akan mengadakan kunjungan mesra untuk tujuan naziran dan *engagement* bersama Kementerian/Jabatan. Dengan pendekatan sedemikian, Ahli-ahli Suruhanjaya dan Pegawai-pegawai Tugas-Tugas Khas dapat menjadi sumber rujukan dan medium perantaraan yang efektif antara Suruhanjaya ini dengan Kementerian/Jabatan.

7. Kerjasama dengan JPA dan *Talent Corp*

Suruhanjaya ini bekerjasama dengan JPA dan Talent Corp bagi mencari bakat terbaik pelajar Malaysia di luar negara yang masih mengikuti pengajian supaya dapat melantik penjawat awam yang berkualiti tinggi.

8. Keistimewaan Tapisan bagi Calon Tajaan JPA

Calon tajaan JPA akan diberi keistimewaan dari segi tapisan bagi memberi peluang pelajar tajaan ini berkhidmat dengan Kerajaan dan memastikan pelaburan Kerajaan menghantar pelajar ke luar negara tidak sia-sia.

9. Surat Tawaran *Online*

Suruhanjaya ini menambahbaik urusan pengambilan dengan mewujudkan Sistem Tawaran *Online* SPA bagi tujuan pelantikan. Ia juga bertujuan bagi memudahkan pelanggan selaras dengan keperluan ICT dalam sistem penyampaian perkhidmatan.

10. Mempromosikan Suruhanjaya Melalui Pendekatan Aplikasi *Online*

Pendekatan online perlu dijadikan medium hebahan masa kini bagi memperkenalkan Suruhanjaya ini seterusnya menarik minat generasi muda dan memberi pendedahan secara jelas berhubung peranan dan faedah-faedah yang ditawarkan dalam perkhidmatan awam.

PENINGKATAN DAN PEMERKASAAN IMEJ SPA

1. Sesi Interaksi Bersama Kementerian, Jabatan, Pentadbiran Negeri dan Badan Bukan Kerajaan

Sesi Interaksi Bersama Kementerian, Jabatan, Pentadbiran Negeri, Badan Berkanun dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) diadakan bagi mendapatkan maklumbalas dan meningkatkan kerjasama dalam proses pengambilan.

2. Sesi Interaksi Bersama Pegawai-Pegawai Lantikan Kontrak

Sesi Interaksi Bersama Pegawai-Pegawai Lantikan Kontrak juga telah diadakan pada 30 Januari 2013 bagi JPNIN, 8 Februari 2013 bagi KEMAS dan 19 Februari 2013 bagi Kementerian Penerangan Komunikasi Kebudayaan (KPKK). Mesyuarat khas bagi membincangkan isu ini juga telah diadakan sebanyak 3 kali.

3. Siri Pertemuan Dengan Media Cina Dan India

Siri pertemuan ini diadakan dari semasa ke semasa mengikut keperluan bagi mendapatkan reaksi daripada mereka dalam memenuhi hasrat 1 Malaysia.

4. Sesi Taklimat di Sekolah-Sekolah

Sesi taklimat kepada sekolah-sekolah bagi mempromosikan fungsi SPA dan peluang kerjaya dalam Perkhidmatan Awam bagi memupuk minat orang awam terhadap Perkhidmatan Awam.

5. Taklimat Berkenaan Urusan Pengambilan Suruhanjaya

Suruhanjaya ini bekerjasama dengan Badan Bukan Kerajaan (NGO) untuk memberikan taklimat kepada calon yang memohon berkenaan kaedah pengambilan termasuk tips untuk menghadapi temu duga. Taklimat tersebut merupakan salah satu aktiviti di bawah Program Modal Insan 1Malaysia (MI1M) yang bertujuan memberi pendedahan awal dan panduan kepada calon-calon dalam membuat persediaan untuk menghadapi urusan pengambilan di sektor awam.

6. Taklimat Kerjaya bagi Menggalakkan Penyertaan Kaum Lain

Taklimat kerjaya diadakan untuk menarik penglibatan kaum-kaum lain ke perkhidmatan awam. Sehingga kini, taklimat ini telah diberikan kepada pelbagai kaum antaranya kaum Cina dan kaum Dayak yang turut menekankan tip-tip temuduga dan pendaftaran permohonan jawatan secara *online.*

7. Karnival Kerjaya

Karnival Berjaya diadakan sebagai salah satu usaha mempromosikan Suruhanjaya ini. Di samping itu, ia membuka peluang kepada orang awam untuk mengetahui lebih dekat perkhidmatan Suruhanjaya ini dan peluang-peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam.

8. Kursus Guru-Guru Kaunseling di Sekolah-Sekolah

SPA mengambil langkah proaktif bagi tujuan hebahan dan promosi mengenai SPA di sekolah-sekolah dengan menganjurkan kursus Pengenalan SPA dan Perkhidmatan Awam kepada guru-guru kaunseling di sekolah di peringkat zon/negeri.

9. Kerjasama Dengan Persatuan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO)

Kerjasama dan perkongsian pintar *(smart partnership)* dengan pihak persatuan/NGO tertentu seperti Persatuan Profesional Melayu Malaysia (PPMM) dilaksanakan. Contohnya Seminar Pengenalan Kepada Skil Pekerjaan Di Sektor Awam bagi mendedahkan calon mengenai teknik penilaian yang digunakan oleh SPA bagi urusan pengambilan, peperiksaan, *assessment centre* dan temu duga.

10. Rundingan Kerjasama Pintar Antara Bank Rakyat dan SPA Malaysia

Rundingan kerjasama pintar ini adalah untuk memberikan inisiatif dan manfaat dari segi *priority banking* dan kadar keuntungan istimewa kepada warga perkhidmatan awam seluruh Malaysia amnya yang merupakan kumpulan terbesar dan pelanggan produk-produk Bank Rakyat sejak dari awal penubuhannya.

11. Sesi *Engagement* bersama Pegawai Baru di Program Transformasi Minda (Kursus Induksi)

Suruhanjaya ini mengambil inisiatif untuk membuat siri *engagement* dengan pegawai-pegawai baru dalam pelbagai jawatan yang dilantik oleh SPA di kursus induksi bagi memastikan calon yang dilantik adalah menepati kehendak Kerajaan yang mempunyai ciri-ciri cepat, tepat, berintegriti, produktif, kreatif, inovatif, setia kepada organisasi *(loyalty),* terbuka dan *facilitate.*

12. SPA *Outreach* kepada Pelatih PLKN

SPA *Outreach* bertujuan untuk mempromosi dan memberi pengenalan SPA berhubung fungsi serta jawatan-jawatan yang ditawarkan oleh SPA kepada pemohon. SPA telah membuat taklimat kepada pelatih-pelatih PLKN yang melibatkan 13 kem di seluruh negara sebagai langkah pendedahan awal bagi menarik minat pelatih-peltih PLKN bagi menyertai perkhidmatan awam.

13. Mengadakan Majlis Khas Penyampaian Surat Tawaran Pelantikan

Majlis Khas Penyerahan Surat Tawaran Pelantikan bertujuan untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada semua calon yang berjaya atas prestasi dan pencapaian cemerlang mereka menjawat jawatan setelah melalui proses tapisan yang komprehensif.

14. Bantuan SPA Kepada Waris Perajurit yang Gugur di Lahad Datu

Suruhanjaya mengambil pendekatan dengan menghulurkan bantuan kepada perajurit yang gugur di Lahad Datu dengan mengenal pasti waris yang terdekat bagi membantu urusan pengambilan, pertukaran perlantikan dan pertukaran perkhidmatan (sekiranya perlu).

15. *One Stop Centre SPA*

Dalam memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkesan, Bilik Operasi *'One Stop Centre'* SPA telah diwujudkan. Ia menempatkan Pegawai Khidmat Pelanggan dan pegawai-pegawai dari bahagian yang kerap menerima panggilan telefon ini berfungsi untuk menjawab pertanyaan daripada pelanggan melalui panggilan telefon.

16. Tawaran Seminar Tips Dan Panduan Memasuki Perkhidmatan Awam

Seminar dan Kursus Tips Panduan Bagi Memasuki Perkhidmatan Awam dianjurkan bertujuan untuk memberikan tips dan panduan yang betul kepada orang ramai yang berminat untuk memasuki perkhidmatan awam. Kursus secara percuma ini akan memberi penerangan dan pendedahan kepada peserta mengenai format peperiksaan, tips menghadiri temu duga serta kriteria yang di perlukan untuk memasuki perkhidmatan awam.

17. Penyertaan Warga SPA dalam Agensi Sukarelawan RELA dan JPAM

Penyertaan warga SPA adalah bertujuan untuk menyalurkan bantuan kepada masyarakat umum seperti mangsa-mangsa bencana, kebakaran, banjir, kemalangan dan sebagainya. Selain daripada dapat mengisi masa lapang dengan perkara yang berfaedah, penyertaan dalam agensi sukarelawan ini dapat memupuk semangat berpasukan dan meningkatkan tahap disiplin.



PELANTIKAN ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM



PENGENALAN

Pelantikan anggota perkhidmatan awam merupakan salah satu daripada enam fungsi Suruhanjaya. Ia merangkumi pelantikan tetap, sementara atau kontrak yang melibatkan Perkhidmatan Awam Am Persekutuan dan Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis.

Suruhanjaya melaksanakan urusan pelantikan melalui Sistem Mengambil Sepanjang Masa (eSMSM). Di bawah sistem ini, calon-calon boleh mendaftarkan permohonan mereka pada bila-bila masa sepanjang tahun tanpa menunggu iklan perjawatan disiarkan. Calon-calon ini akan disenarai pendek mengikut syarat asas yang ditetapkan dalam sesuatu skim perkhidmatan. Suruhanjaya melaksanakan proses pengambilan berdasarkan permohonan pengisian jawatan yang diterima daripada kementerian/jabatan.

Pada tahun 2013, jumlah permohonan yang diterima melalui SPA 8i *(Online)* meningkat sebanyak 95.24%. Sebanyak 2,120,136 permohonan telah diterima berbanding 1,085,877 permohonan pada tahun 2012. Daripada jumlah tersebut, seramai 262,911 (12.40%) calon berjaya melepasi tapisan dan dipanggil temu duga. Seramai 184,562 (70.2%) calon telah menghadiri temu duga dan daripada jumlah ini seramai 38,659 (20.9%) calon telah ditawarkan pelantikan secara tetap, manakala 21,400 (11.6%) calon telah dilantik secara kontrak berdasarkan perakuan jabatan. Butiran terperinci adalah seperti di Jadual 1, Jadual 2, Carta 1 (a) dan Carta 1 (b). Jumlah pelantikan tetap mengikut skim perkhidmatan yang diuruskan oleh Suruhanjaya bagi tahun 2013 pula adalah seperti di Lampiran A.

JADUAL 1
PERMOHONAN JAWATAN MELALUI SISTEM MENGAMBIL SEPANJANG MASA (eSMSM)
BAGI TAHUN 2012-2013

TAHUN	BORANG DITERIMA SPA 8i (*Online*)	PERATUS KENAIKAN (%)
2012	**1,085,877**	**-**
2013	**2,120,136**	**95.24**


JADUAL 2
BILANGAN PERMOHONAN, CALON DIPANGGIL TEMU DUGA , CALON HADIR TEMU DUGA DAN CALON LANTIKAN TETAP DAN KONTRAK BAGI TAHUN 2012 DAN 2013

TAHUN	STATUS LANTIKAN	JUMLAH PERMOHONAN (INDIVIDU)	BIL. CALON DIPANGGIL TEMU DUGA	BIL. CALON HADIR TEMU DUGA	BILANGAN LANTIKAN
2012	Lantikan Tetap	1,074,647	153,497	116,963	36,105
	Lantikan Kontrak	11,230	11,230	11,230	11,230
	Jumlah	**1,085,877**	**164,727**	**128,193**	**47,335**
2013	Lantikan Tetap	2,098,736	241,511	163, 162	38,659
	Lantikan Kontrak	21,400	21,400	21,400	21,400
	Jumlah	**2,120,136**	**262,911**	**184,562**	**60,059**


Nota : Termasuk Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis bagi Kumpulan Sokongan dan jawatan Separa Perubatan di Kementerian Kesihatan.

Temu duga bagi pelantikan kontrak kali pertama telah diwakilkan kuasa kepada Kementerian/Jabatan

CARTA 1 (a)
BILANGAN PERMOHONAN, CALON DIPANGGIL TEMU DUGA, CALON HADIR TEMU DUGA DAN CALON DILANTIK BAGI TAHUN 2013



CARTA 1 (b)
PERATUS LANTIKAN TETAP DAN KONTRAK BAGI TAHUN 2013



PELANTIKAN TETAP

Sejumlah 218 urusan pengambilan telah dilaksanakan bagi mengisi kekosongan pada tahun 2013. Urusan ini merangkumi pengambilan dari pelbagai jawatan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Sokongan I dan II di kementerian/jabatan serta pentadbiran negeri yang terletak di bawah bidang kuasa Suruhanjaya.


Bilangan lantikan tetap meningkat sebanyak 7.07% pada tahun 2013. Daripada 38,659 calon yang dilantik secara tetap pada tahun 2013, 8,909 (23.04%) calon adalah bagi jawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional, 12,660 (32.75%) calon bagi Kumpulan Sokongan I dan 17,090 (44.21%) calon bagi Kumpulan Sokongan II. Maklumat bilangan lantikan tetap bagi tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di Jadual 3.

JADUAL 3
BILANGAN LANTIKAN TETAP MENGIKUT KUMPULAN JAWATAN BAGI TAHUN 2012 DAN 2013

STATUS LANTIKAN	KUMPULAN JAWATAN	BILANGAN LANTIKAN 2012	BILANGAN LANTIKAN 2013
Lantikan Tetap	Pengurusan dan Profesional (Ijazah)	7,706	8,909
	Sokongan I (Diploma)	10,594	12,660
	Sokongan II (Sijil,SPM,PMR)	17,805	17,090
	Jumlah	**36,105**	**38,659**

Nota : Termasuk Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis bagi Kumpulan Sokongan II

CARTA 2
PERATUS LANTIKAN TETAP MENGIKUT KUMPULAN JAWATAN BAGI TAHUN 2013





PELANTIKAN KAUM BUKAN BUMIPUTERA

Suruhanjaya telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menggalakkan kaum bukan Bumiputera untuk berkhidmat dengan sektor awam. Antara langkah yang telah diambil oleh Suruhanjaya adalah seperti berikut:

- mengadakan sesi *engagement* dengan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Cina dan India;
- mengadakan sesi perjumpaan/mesyuarat secara mingguan dengan pertubuhan-pertubuhan Cina dan India;
- memperbanyakkan kerjasama dengan media Cina dan India untuk mempromosikan peluang kerjaya dalam perkhidmatan awam di kalangan masyarakat Cina dan India;
- melantik pegawai-pegawai di kalangan kaum Cina dan India untuk bertugas di kaunter-kaunter khidmat pelanggan;
- mengadakan taklimat kerjaya khusus kepada pelajar-pelajar IPTA/IPTS;
- mengeluarkan risalah kepada ketua masyarakat di kawasan bandar/pedalaman untuk menarik calon-calon bukan bumiputera menyertai perkhidmatan awam;
- menyediakan soalan lazim (FAQ) dalam bahasa Cina dan Tamil dalam Portal SPA; dan
- mewujudkan Jawatankuasa Khas mengkaji penyertaan kaum India, Cina, Dayak, Melayu dan lain-lain.

Pelantikan bukan Bumiputera dalam perkhidmatan awam telah meningkat sebanyak 26.88% pada tahun 2013. Daripada jumlah permohonan sebanyak 2,120,136, 1,704,681 permohonan (80.40%) adalah daripada kaum Melayu, 44,633 (2.11%) permohonan daripada kaum Cina manakala 75,361 (3.55%) permohonan daripada kaum India. Jika dibandingkan pada tahun 2012, daripada jumlah permohonan sebanyak 1,085,877, 866,357 permohonan (79.78%) adalah daripada kaum Melayu, 19,702 (1.81%) permohonan daripada kaum Cina manakala 35,717 (3.29%) permohonan daripada kaum India.

Pada tahun 2013, daripada jumlah lantikan seramai 45,392 (75.58%) orang adalah daripada kaum Melayu, 2,901 (4.83%) orang daripada kaum Cina manakala 2,018 (3.36%) orang daripada kaum India. Jika dibandingkan pada tahun 2012, daripada jumlah lantikan, sebanyak 33,427 orang (70.62%) adalah daripada kaum Melayu, 2,630 (5.56%) orang daripada kaum Cina manakala 2,354 (4.97%) orang daripada kaum India. Maklumat permohonan dan calon dilantik mengikut kaum adalah seperti Jadual 4.

JADUAL 4
BILANGAN PERMOHONAN DAN CALON LANTIKAN MENGIKUT KAUM BAGI TAHUN 2012 - 2013

BIL.	KAUM	2012		2013	
		BILANGAN PERMOHONAN	BILANGAN LANTIKAN	BILANGAN PERMOHONAN	BILANGAN LANTIKAN
1.	Melayu	866,357	33,427	1,704,681	45,392
2.	Cina	19,702	2,630	44,633	2,901
3.	India	35,717	2,354	75,361	2,018
4.	Bugis	10,868	217	-	-
5.	Kadazan	12,296	644	23,547	594
6.	Dusun	28,091	1,337	50,439	1,200
7.	Murut	3,870	145	7,841	148
8.	Rungus	3,101	113	5,979	127
9.	Bisaya	3,409	124	5,879	103
10.	Bajau	21,858	562	38,858	600
11.	Irranun	1,243	29	2,259	23
12.	Suluk	3,190	66	5,491	71

BIL.	KAUM	2012		2013	
		BILANGAN PERMOHONAN	BILANGAN LANTIKAN	BILANGAN PERMOHONAN	BILANGAN LANTIKAN
13.	Iban	27,155	1,036	57,114	1,105
14.	Melanau	9,440	389	17,608	393
15.	Bidayuh	12,896	668	24,942	644
16.	Orang Ulu	3,183	100	5,967	103
17.	Orang AsliSemenanjung	1,640	197	3,588	169
18.	Lain-Lain Bumiputera Sabah	1,304	1,069	3,770	1,612
19.	Lain-Lain Bumiputera Sarawak	1,009	913	2,978	1,838
20.	* Lain-Lain	19,548	1,315	39,201	1,018
Jumlah		**1,085,877**	**47,335**	**2,120,136**	**60,059**

Nota: * Lain-lain kaum adalah seperti Portugis, Siam dan lain-lain.

PELANTIKAN CALON ORANG KURANG UPAYA (OKU)

Kerajaan telah menetapkan dasar pengambilan satu peratus (1%) peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam kepada OKU. Bagi calon OKU, Suruhanjaya telah memberikan keistimewaan iaitu tiada kriteria tambahan yang dikenakan ke atas mereka sebelum dipanggil temu duga dan pengecualian daripada menduduki peperiksaan khas bagi calon yang cacat penglihatan.

Pelantikan calon OKU meningkat sebanyak 30.49% pada tahun 2013. Suruhanjaya telah melantik seramai 107 calon OKU bagi Kumpulan Pengurusan & Profesional, Sokongan I dan II berbanding 82 pelantikan pada tahun 2012. Maklumat keseluruhan bilangan permohonan calon OKU, ditemu duga dan dilantik bagi tahun 2013 adalah seperti di Jadual 5.

JADUAL 5
BILANGAN PERMOHONAN CALON OKU, DITEMU DUGA DAN DILANTIK BAGI TAHUN 2012 DAN 2013

BIL	KUMPULAN JAWATAN	PERMOHONAN	PANGGIL TEMU DUGA	HADIR TEMU DUGA	TAWARAN LANTIKAN
2012	Pengurusan & Profesional (Ijazah)	395	46	41	3
	Sokongan I (Diploma)	574	79	62	9
	Sokongan II (Sijil, SPM, PMR)	3228	364	278	70
	Jumlah	**4,197**	**489**	**381**	**82**
2013	Pengurusan & Profesional (Ijazah)	892	72	54	13
	Sokongan I (Diploma)	1565	336	317	24
	Sokongan II (Sijil, SPM, PMR)	7136	379	236	70
	Jumlah	**9,593**	**787**	**607**	**107**

Berdasarkan jumlah tersebut, calon-calon OKU berdaftar yang dilantik ke Kumpulan Pengurusan & Profesional, Sokongan I dan II adalah terdiri daripada satu (1) Cerebral Palsy, 76 orang adalah calon ketidakupayaan fizikal, 12 kurang upaya pendengaran, 13 kurang upaya penglihatan, satu (1) kurang upaya pertuturan dan lima (5) masalah pembelajaran. Maklumat keseluruhan lantikan calon OKU berdasarkan kategori ketidakupayaan dan kumpulan jawatan bagi tahun 2013 adalah seperti di Jadual 6.

JADUAL 6
BILANGAN LANTIKAN BERDASARKAN KATEGORI KETIDAKUPAYAAN DAN KUMPULAN JAWATAN BAGI TAHUN 2012-2013

BIL	JENIS KETIDAKUPAYAAN	2012 (Pengurusan & Profesional, Sokongan I dan II)	2013 (Pengurusan & Profesional, Sokongan I dan II
1.	Cerebral Palsy	-	1
2.	Kurang Upaya Fizikal	77	76
3.	Kurang Upaya Pendengaran	1	12
4.	Kurang Upaya Penglihatan	2	13
5.	Kurang Upaya Pertuturan	1	1
6.	Masalah Pembelajaran	1	4
Jumlah		**82**	**107**

PELANTIKAN KONTRAK

Selain lantikan tetap, SPA juga turut membuat pelantikan secara kontrak. Seramai 21,400 calon ditawarkan lantikan kontrak pada tahun 2013, meningkat sebanyak 90.56% daripada tahun 2012. dan maklumat status calon lantikan kontrak adalah seperti di Jadual 7.

JADUAL 7
STATISTIK LANTIKAN KONTRAK BAGI TAHUN 2012-2013


STATUS LANTIKAN	KUMPULAN JAWATAN	2012	2013
Lantikan Kontrak	Pengurusan & Profesional (Ijazah) dan Sokongan I (Diploma)	**1,735**	**5,638**
	Sokongan II (Sijil, SPM, PMR)	**9,495**	**15,762**
	Jumlah	**11,230**	**21, 400**

Pelantikan dan Pelantikan Semula Secara Kontrak

Daripada jumlah pelantikan kontrak seramai 21,400 orang, Suruhanjaya telah melantik seramai 5,921 orang untuk lantikan pertama pada tahun 2013. Manakala seramai 15,479 orang pula telah dilantik semula secara kontrak oleh Suruhanjaya.

Pelantikan pertama dan pelantikan semula secara kontrak Kumpulan Pengurusan & Profesional, Kumpulan Sokongan I dan II bagi tahun 2013 adalah seperti di Carta 3.

CARTA 3
PERATUS PELANTIKAN PERTAMA DAN PELANTIKAN SEMULA SECARA KONTRAK KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL, KUMPULAN SOKONGAN I DAN KUMPULAN SOKONGAN II BAGI TAHUN 2013



Pelantikan dan Pelantikan Semula Secara Kontrak Pegawai Perubatan Dan Pegawai Pergigian Bukan Warganegara

Dalam usaha mengisi kekosongan jawatan yang kekurangan bilangan calon seperti Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian, Suruhanjaya juga telah melantik secara kontrak calon warganegara dan bukan warganegara untuk berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan. Pada tahun 2013, Suruhanjaya telah melantik seramai 200 orang Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian berbanding 398 orang pada tahun 2012, menurun sebanyak 49.75%. Pelantikan secara Kontrak Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian Bukan Warganegara pada tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di Jadual 8.

JADUAL 8
PELANTIKAN DAN PELANTIKAN SEMULA SECARA KONTRAK PEGAWAI PERUBATAN DAN PEGAWAI PERGIGIAN BUKAN WARGANEGARA BAGI TAHUN 2012-2013

TAHUN	PEGAWAI PERUBATAN		PEGAWAI PERGIGIAN		JUMLAH
	Pelantikan	Pelantikan Semula	Pelantikan	Pelantikan Semula	
2012	145	237	7	9	**398**
2013	28	162	0	10	**200**

Pemilihan Mengikuti Latihan Separa Perubatan

Pada tahun 2013, Suruhanjaya dengan kerjasama Kementerian Kesihatan telah menemu duga seramai 22,922 calon berbanding 33,945 calon pada tahun 2012 bagi mengikuti Latihan Separa Perubatan.

Daripada jumlah tersebut, seramai 6,974 calon telah dipilih untuk mengikuti 13 jenis latihan pada peringkat sijil dalam tahun 2013 berbanding 7,523 calon pada tahun 2012. Maklumat keseluruhan bilangan permohonan, calon dipanggil temu duga, hadir temu duga dan bilangan calon mengikuti Latihan Separa Perubatan pada tahun 2013 adalah seperti di Jadual 9, Jadual 10 dan Carta 4.


JADUAL 9
URUSAN PEMILIHAN PELATIH SEPARA PERUBATAN BAGI TAHUN 2012 - 2013

TAHUN	TARAF LATIHAN	BILANGAN PERMOHONAN	BIL. CALON DIPANGGIL TEMU DUGA	BIL. CALON HADIR TEMU DUGA	BILANGAN TAWARAN PELATIH
2012	Diploma	246,700	46,067	30,168	6,763
	Sijil	106,911	6,783	3,777	760
	Jumlah	**353,611**	**52,840**	**33,945**	**7,523**
2013	Diploma	653,859	45,675	19,990	6,209
	Sijil	264,850	7,102	2,932	765
	Jumlah	**918,709**	**52,777**	**22,922**	**6,974**

JADUAL 10
PEMILIHAN PELATIH MENGIKUTI LATIHAN SEPARA PERUBATAN BAGI TAHUN 2012–2013

BIL.	JAWATAN BERTARAF DIPLOMA	TAHUN	
		2012	2013
1.	Juru X-Ray	44	65
2.	Jurupulih Perubatan (Anggota)	0	90
3.	Jurupulih Perubatan (Cara Kerja)	0	90
4.	Jururawat	3226	3311
5.	Jururawat Pergigian	149	149
6.	Juruteknologi Makmal Perubatan	1769	160
7.	Juruteknologi Pergigian	55	59
8.	Penolong Pegawai Farmasi	174	185
9.	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran	1769	234
10.	Penolong Pegawai Perubatan	174	1649
JAWATAN BERTARAF SIJIL			
11.	Jururawat Masyarakat	599	217
12.	Pembantu Kesihatan Awam	493	510
13.	Pembantu Pembedahan Pergigian	267	255
Jumlah		**7,523**	**6,974**

CARTA 4
PEMILIHAN PELATIH MENGIKUTI LATIHAN SEPARA PERUBATAN BAGI TAHUN 2012 – 2013



Pelantikan ke Jawatan Separa Perubatan


Pelantikan ke jawatan separa perubatan mengalami sedikit penurunan pada tahun 2013 iaitu sebanyak 0.25%. Seramai 12,327 calon telah dilantik ke jawatan Separa Perubatan pada tahun 2013 berbanding 12,358 calon pada tahun 2012. Butiran terperinci seperti di Jadual 11 dan Carta 5.

JADUAL 11
PELANTIKAN TETAP KE JAWATAN SEPARA PERUBATAN BAGI TAHUN 2012 – 2013

BIL.	JAWATAN BERTARAF DIPLOMA	TAHUN	
		2012	2013
1.	Juru X-Ray Gred U29	423	138
2.	Jurupulih Perubatan Anggota Gred U29	233	150
3.	Jurupulih Perubatan Cara Kerja Gred U29	98	127
4.	Jururawat Gred U29	5591	7261
5.	Jururawat Pergigian Gred U29	67	124
6.	Juruteknologi Makmal Perubatan Gred U29	532	543
7.	Juruteknologi Pergigian Gred U29	64	72
8.	Penolong Pegawai Farmasi Gred U29	471	264
9.	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29	542	501

BIL.	JAWATAN BERTARAF DIPLOMA	TAHUN	
		2012	2013
10.	Penolong Pegawai Perubatan Gred U29	1102	830
	Jawatan Bertaraf Sijil		
11.	Jururawat Masyarakat Gred U19	2494	1629
12.	Juruteknik Perubatan Gred U19	0	4
13.	Pembantu Pembedahan Pergigian Gred U17	301	250
14.	Pembantu Kesihatan Awam Gred U17	440	434
Jumlah		**12,358**	**12,327**

CARTA 5
PELANTIKAN TETAP KE JAWATAN SEPARA PERUBATAN BAGI TAHUN 2012-2013



Pelantikan ke Jawatan Khas

Dalam melaksanakan Fungsi Suruhanjaya di bawah Perkara 144 Fasal 3 Perlembagaan Persekutuan, SPA telah menguruskan pelantikan (termasuk pelantikan kontrak) bagi jawatan-jawatan khas seperti berikut:

- Ketua Setiausaha Negara
- Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
- Ketua Setiausaha Perbendaharaan
- Ketua Pengarah Kesihatan
- Ketua Pengarah Kastam
- Duta Besar Malaysia ke Turkmenistan
- Duta Besar Malaysia ke Romania
- Duta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat

- Duta Besar Malaysia ke Poland
- Duta Besar Malaysia ke Perancis
- Duta Besar Malaysia ke Cambodia
- Duta Besar Malaysia ke Timor Leste
- Duta Besar Malaysia ke Filipina
- Duta Besar Malaysia ke Arab Saudi
- Duta Besar Malaysia ke Bosnia Herzegovina
- Duta Besar Malaysia ke Jepun
- Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke India
- Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Singapura
- Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Pakistan
- Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Bangladesh
- Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke New Zealand
- Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Papua New Guinea
- Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke United Kingdom

KAEDAH URUSAN PENGAMBILAN

1) Jawatan Kritikal

Dalam usaha meningkatkan keberkesanan dan kecekapan urusan pengambilan bagi jawatan-jawatan kritikal, Suruhanjaya telah melaksanakan Temu Duga Secara Temu Janji dan Temu Duga Pelajar Tahun Akhir.

- T**emu Duga Secara Temujanji**

Kaedah Temu Duga Secara Temujanji telah dilaksanakan oleh Suruhanjaya sepanjang tahun 2013 khususnya bagi pengambilan calon warganegara berkelulusan luar negara untuk jawatan Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi. Di bawah kaedah ini, lulusan tiga bidang kritikal ini boleh menetapkan temu janji untuk mereka ditemu duga oleh Suruhanjaya.

Calon boleh menghadiri temu duga dengan Suruhanjaya yang diadakan di Putrajaya pada hari Selasa setiap minggu. Hanya mereka yang layak dan sesuai akan diberi surat tawaran pelantikan selepas mereka ditemu duga. Statistik urusan pelantikan bagi tiga bidang kritikal tersebut yang telah dibuat pada tahun 2012 dan tahun 2013 adalah seperti di Jadual 12.

JADUAL 12
PELANTIKAN KE JAWATAN PEGAWAI PERUBATAN, PEGAWAI PERGIGIAN DAN PEGAWAI FARMASI MENERUSI URUSAN TEMU DUGA SECARA TEMU JANJI BAGI TAHUN 2012 – 2013

TAHUN	JAWATAN			JUMLAH
	Pegawai Perubatan	Pegawai Pergigian	Pegawai Farmasi	
2012	1,714	201	274	**2,189**
2013	1,525	171	234	**1,930**

- **Temu Duga Pelajar Tahun Akhir**

Pelajar tahun akhir di institusi pengajian tinggi awam dan swasta, khususnya pelajar bidang perubatan, pergigian dan farmasi ditemu duga bagi mengisi kekosongan jawatan Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi di Kementerian Kesihatan. Pecahan urusan yang telah dijalankan menerusi kaedah ini seperti Jadual 13.

JADUAL 13
PELANTIKAN KE JAWATAN PEGAWAI PERUBATAN, PEGAWAI PERGIGIAN DAN PEGAWAI FARMASI MENERUSI URUSAN TEMU DUGA PELAJAR TAHUN AKHIR BAGI TAHUN 2012–2013

TAHUN	JAWATAN			JUMLAH
	Pegawai Perubatan	Pegawai Pergigian	Pegawai Farmasi	
2012	2,219	288	846	**3,353**
2013	2,213	468	798	**3,479**

2) Jawatan yang Kekurangan Calon yang Layak

Terdapat beberapa jawatan yang sukar diisi kerana kekurangan calon yang layak dalam bidang/disiplin yang diperlukan. Jawatan tersebut adalah seperti di Jadual 14.

JADUAL 14
JAWATAN YANG KEKURANGAN CALON YANG LAYAK BAGI TAHUN 2012-2013

BIL.	JAWATAN	2012			2013		
		Kosong	Diisi	Kekurangan	Kosong	Diisi	Kekurangan
1.	Pegawai Perubatan Gred UD41	6,335	3,933	2,402	4,217	3,738	479
2.	Pegawai Pergigian Gred U41	662	489	173	980	639	341
3.	Pegawai Farmasi Gred U41	84	5	79	634	234	400
Jumlah		**7,081**	**4,427**	**2,654**	**5,831**	**4,611**	**1,220**

3) Pelantikan Bakat Terbaik *(Best Talent)*

Dalam usaha kerajaan mendapatkan bakat-bakat terbaik untuk berkhidmat dalam perkhidmatan awam sepanjang tahun 2013, Suruhanjaya telah melantik seramai 8,649 orang bakat terbaik yang terdiri daripada 749 orang calon pemegang ijazah dan 23 orang calon yang mempunyai kelayakan Doktor Falsafah (PhD). Maklumat lanjut bilangan pelantikan best talent pada tahun 2013 adalah seperti di Jadual 15.

JADUAL 15
BILANGAN PELANTIKAN *BEST TALENT* BAGI TAHUN 2013

BIL	KELAYAKAN	TAWARAN LANTIKAN
1.	Ijazah Sarjana Muda (CGPA 3.5 keatas)	749
2.	Diploma (CGPA 3.5 keatas)	1,221
3.	Calon memiliki Doktor Falsafah (PhD)	23
4.	Calon berkelulusan dari Universiti terkemuka dunia *(Harvard University, Oxford, Cambridge)*	1
Jumlah		**8,649**

4) Pelantikan Secara *Multiple Entry*

- **Pelantikan Tetap Secara *Multiple Entry* Di Pelbagai Kementerian/ Jabatan**

Pada tahun 2013, Suruhanjaya telah melantik seramai 36 calon melalui kaedah *multiple entry.* Suruhanjaya membuat pelantikan secara *multiple entry* berdasarkan permohonan-permohonan yang diterima daripada Kementerian/Jabatan untuk mengisi kekosongan sedia ada. Kriteria pemilihan calon-calon tersebut adalah berdasarkan kelayakan, pengalaman dan keistimewaan yang dimiliki oleh calon setelah mendapat perakuan daripada Ketua Jabatan. Maklumat bilangan pelantikan tetap secara *multiple entry* mengikut skim dan gred adalah seperti di Jadual 16 (a).

JADUAL 16 (a)
BILANGAN PELANTIKAN TETAP SECARA *MULTIPLE ENTRY* MENGIKUT SKIM DAN GRED BAGI TAHUN 2013

BIL	SKIM	GRED	KEWARGANEGARAAN	TAWARAN LANTIKAN
1.	Pegawai Perubatan	UD43	Kementerian Kesihatan	25
2.	Pegawai Perubatan	UD47	Kementerian Kesihatan	3
3.	Pegawai Perubatan	UD51	Kementerian Kesihatan	7
4.	Pegawai Perubatan	UD53	Kementerian Kesihatan	1
Jumlah				**36**

- **Pelantikan Kontrak Secara *Multiple Entry* di Kementerian Kesihatan Malaysia**

Suruhanjaya turut membuat pelantikan kontrak secara *multiple entry* seramai 327 calon bagi pelantikan Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian di Kementerian Kesihatan Malaysia. Penentuan gred lantikan adalah berdasarkan kelayakan dan pengalaman pegawai yang dilantik. Maklumat bilangan pelantikan kontrak secara *multiple entry* adalah seperti di Jadual 16 (b) dan 16 (c).

JADUAL 16 (b)
BILANGAN PELANTIKAN PEGAWAI PERUBATAN SECARA KONTRAK DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA MENGIKUT SKIM DAN GRED BAGI TAHUN 2013

BIL	GRED	PELANTIKAN BARU		PELANTIKAN SEMULA		JUMLAH KESELURUHAN
		W/NEGARA	BUKAN W/NEGARA	W/NEGARA	BUKAN W/NEGARA	
1.	JUSA	3	7	28	6	44
2.	UD 53/54	1	4	11	32	48
3.	UD 51/52	2	4	7	37	50
4.	UD 47/48	2	2	7	22	33
5.	UD 43/44	9	0	5	47	61
6.	UD 41/42	15	11	24	18	68
Jumlah		**32**	**28**	**82**	**162**	**-**
		60		**244**		**304**



JADUAL 16 (c)
BILANGAN PELANTIKAN PEGAWAI PERGIGIAN SECARA KONTRAK DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA MENGIKUT SKIM DAN GRED BAGI TAHUN 2013

BIL	GRED	PELANTIKAN BARU		PELANTIKAN SEMULA		JUMLAH KESELURUHAN
		W/NEGARA	BUKAN W/NEGARA	W/NEGARA	BUKAN W/NEGARA	
1.	JUSA	2	0	5	0	7
2.	U 53/54	0	0	2	1	3
3.	U 51/52	0	0	1	0	1
4.	U 47/48	0	0	1	0	1
5.	U 43/44	0	0	0	0	0
6.	U 41/42	1	0	1	9	11
Jumlah		**3**	**0**	**10**	**10**	**-**
		3		**20**		**23**

PENCAPAIAN URUSAN PENGAMBILAN DI BAWAH SURATCARA PEWAKILAN KUASA [P.U.(B) 496]

Suratcara Pewakilan Kuasa [P.U.(B) 496] merupakan dokumen perwakilan kuasa oleh SPA kepada Kementerian/ Jabatan dan Pentadbiran Negeri. Melalui P.U.(B) 496/1997, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia telah mewakilkan kuasa kepada Kementerian/Jabatan dan Pentadbiran Negeri bagi melaksanakan urusan melantik, mengesahkan dalam perkhidmatan dan memasukkan ke dalam perjawatan berpencen bagi jawatan-jawatan seperti di Jadual Ketiga P.U.(B) 496/1997 berkuatkuasa mulai 1 September 1996. Daripada 45 jawatan yang diwakilkan kuasa, hanya 26 jawatan yang masih berkuatkuasa sehingga 31 Oktober 2013 seperti Jadual 17.

JADUAL 17
STATUS TERKINI JAWATAN-JAWATAN YANG DIWAKILKAN KUASA

Bil.	Jawatan
1.	Pereka Gred B11
2.	Ahli Fotografi Gred B11
3.	Pegawai Kebudayaan Gred B11
4.	Jurusolek Gred B11
5.	Pengajar Kraf Gred E11
6.	Pembantu Hidupan Liar Rendah Gred G11
7.	Pengawas Hutan Gred G11
8.	Penolong Operator Kamera Gred N11

Bil.	Jawatan
9.	Penyelia Jeti Gred N3
10.	Penghantar Notis Gred N3
11.	Bentara Parlimen Gred N1
12.	Pembantu Kamera Gred N3
13.	Pembantu Am Pejabat Gred N1
14.	Penyelamat Gred N1
15.	Pengawas Pemulihan Gred N1
16.	Pekerja Awam Khas Gred R3
17.	Pemandu Kenderaan Gred R3
18.	Operator Loji Gred R3
19.	Pemandu/ Operator Jentera Pemunggah Gred R3
20.	Tukang K1 Gred R17
21.	Tukang K2 Gred R11
22.	Tukang K3 Gred R9
23.	Pemandu Enjin (Keretapi Bukit Bendera) Gred R9
24.	Pekerja Awam Gred R1
25.	Atendan Kesihatan Gred U3,U12, U14
26.	Pengawal Keselamatan Gred KP11

Laporan Urusan Pengambilan di Bawah P.U.(B) 496/1997

Berdasarkan P.U.(B) 496/1997, Kementerian/Jabatan perlu mengemukakan laporan urusan pengambilan kepada Suruhanjaya walaupun tiada urusan pengambilan dijalankan. Bagi memudahkan Kementerian/ Jabatan menghantar laporan urusan pengambilan, satu sistem laporan P.U.(B) 496/1997 *online* telah diwujudkan. Dengan pelaksanaan sistem ini, Kementerian/ Jabatan boleh menghantar laporan secara *online* melalui sistem ePGSPA. Bagi tahun 2013, seramai 919 calon telah dilantik tetap yang mana melibatkan jawatan Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U3, Pekerja Awam Gred R1, Pekerja Awam Khas Gred R3, Pemandu Kenderaan Bermotor Gred R3, Pembantu Am Pejabat Gred N1, Pengawal Keselamatan Gred KP11, Penghantar Notis Gred R3 dan Operator Loji Gred R3. Jadual 18 menunjukkan maklumat mengenai pelantikan calon bagi tahun 2013.

JADUAL 18
BILANGAN CALON YANG DI LANTIK DI BAWAH P.U.(B) 496/1997
BAGI TAHUN 2013

BIL.	JAWATAN DAN GRED	BIL. LANTIKAN
1.	Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U3	440
2.	Pekerja Awam Gred R1	181
3.	Pekerja Awam Khas Gred R3	21
4.	Pemandu Kenderaan Bermotor Gred R3	152
5.	Pembantu Am Pejabat Gred N1	116
6.	Pengawal Keselamatan Gred KP11	1
7.	Penghantar Notis Gred N3	7
8.	Operator Loji Gred R3	1
Jumlah Keseluruhan		**919**

KAEDAH PENGAMBILAN SECARA PROFILING *(MYRECRUITMENT)*

Kaedah Pengambilan Secara Profiling *(MyRecruitment)* merupakan transformasi kaedah pengambilan yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) bertujuan untuk menambahbaik kaedah dan sistem penilaian untuk memilih calon yang terbaik bagi memasuki perkhidmatan awam di Malaysia. Melalui pelaksanaan *MyRecruitment* ini, calon yang memohon sesuatu jawatan dalam perkhidmatan awam akan melalui proses penilaian yang holistik dan komprehensif seperti tapisan awal, ujian aptitud, penilaian kompetensi dan temu duga sebelum dilantik.

Melalui penilaian yang dijalankan, maklumat calon akan diprofilkan berasaskan latar belakang, pencapaian akademik, ciri personaliti, minat kerjaya, sikap, kecerdasan (IQ) dan kompetensi (kemahiran) untuk dijadikan asas penilaian bagi menentukan calon-calon yang sesuai berkhidmat dalam perkhidmatan awam Malaysia.

Dengan hasrat untuk melaksanakan kaedah pengambilan ini secara menyeluruh di Kementerian/Jabatan, satu Memorandum Jemaah Menteri telah dibentangkan pada 23 Disember 2009. Mesyuarat Jemaah Menteri telah meluluskan kaedah pengambilan yang dikenali sebagai *MyRecruitment.* Pelancaran *MyRecruitment* telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada 11 Januari 2010.

Proses Pelaksanaan *MyRecruitment*

Melalui pelaksanaan MyRecruitment, calon perlu melalui empat (4) proses saringan sebelum ditawar lantikan iaitu tapisan awal, peperiksaan, penilaian kompetensi dan temu duga seperti di Rajah A. Proses saringan dalam MyRecruitment dibuat secara berstruktur seperti berikut:

i. Tapisan Awal

Calon yang mendaftar secara online dengan SPA akan ditapis permohonannya sama ada memenuhi syarat skim perkhidmatan bagi jawatan yang dipohon;

ii. Peperiksaan

Calon yang telah melepasi tapisan awal dikehendaki menduduki peperiksaan bagi menilai pengetahuan am, pengetahuan bidang yang dipohon, daya menyelesaikan masalah dan kemahiran bahasa. Selain peperiksaan ini, ujian sahsiah dan minat juga diadakan;


iii. Penilaian Kompetensi *(Competency Assessment)*

Calon yang berjaya melepasi tapisan peperiksaan akan melalui sesi ini. Sesi ini bertujuan mengukur kompetensi calon dari aspek *Attitude-Skill-Knowledge* (ASK) dengan tugas dan jawatan yang dipohon. Calon-calon akan dinilai dari segi kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Melayu dan Inggeris atau bahasa-bahasa lain yang diperlukan, serta penilaian kompetensi yang diperlukan seperti komitmen, disiplin, teamwork dan lain-lain; dan

iv. Temu Duga

Sesi ini bertujuan menilai kesesuaian dan perwatakan calon dengan keperluan sesuatu jawatan di agensi tertentu. Sesi ini akan menentu sahkan penilaian yang dibuat di peringkat sesi penilaian kompetensi.

RAJAH A: KAEDAH PENGAMBILAN SECARA PROFILING *(MyRecruitment)*



Pencapaian Pelaksanaan *MyRecruitment* sehingga 31 Disember 2013

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam merancang di antara tahun 2010 hingga 2013 akan melaksanakan urusan pengambilan berasaskan *Recruitment Profiling Model* kepada 109 skim jawatan. Sehingga 31 Disember 2013, urusan pengambilan secara profiling ini telah dijalankan kepada 66 skim jawatan seperti berikut:

JADUAL 19
SENARAI SKIM JAWATAN YANG MELAKSANAKAN URUSAN PENGAMBILAN BERASASKAN *RECRUITMENT PROFILING MODEL* BAGI TAHUN 2010-2013

Bil.	Nama Jawatan	Gred	Kementerian/Jabatan
1.	Pegawai Anti Dadah	S41	Agensi Anti Dadah Kebangsaan
2.	Leftenen Maritim	X17	Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia
3.	Leftenan Muda Maritim	X13	Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia
4.	Laskar Kelas II Maritim	X1	Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia
5.	Akauntan	W41	Jabatan Akauntan Negara
6.	Penguasa Bomba	KB41	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
7.	Penolong Penguasa Bomba	KB29	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
8.	Pegawai Bomba	KB17	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
9.	Pegawai Hal Ehwal Islam	S41	Jabatan Hal Ehwal Islam Malaysia
10.	Penguasa Kastam	W41	Jabatan Kastam
11.	Pegawai Pembangunan Masyarakat	S41	Jabatan Kebajikan Masyarakat
12.	Pegawai Kawalan Trafik Udara	A41	Jabatan Penerbangan Awam
13.	Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara	A29	Jabatan Penerbangan Awam
14.	Pegawai Penguatkuasa	N41	Jabatan Pengangkutan Awam Malaysia
15.	Penolong Pegawai Penguatkuasa	N27	Jabatan Pengangkutan Awam Malaysia
16.	Pembantu Penguatkuasa	N17	Jabatan Pengangkutan Awam Malaysia
17.	Penguasa Penjara	KX41	Jabatan Penjara
18.	Penolong Penguasa Penjara	KX27	Jabatan Penjara
19.	Pegawai Penjara	KX17	Jabatan Penjara

Bil.	Nama Jawatan	Gred	Kementerian/Jabatan
20.	Perangkawan	E41	Jabatan Perangkaan Malaysia
21.	Pegawai Keselamatan	KP41	Jabatan Perdana Menteri
22.	Penolong Pegawai Keselamatan	KP27	Jabatan Perdana Menteri
23.	Pembantu Keselamatan	KP17	Jabatan Perdana Menteri
24.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	M41	Jabatan Perkhidmatan Awam
25.	Pegawai Pertahanan Awam	KP41	Jabatan Pertahanan Awam
26.	Penolong Pegawai Pertahanan Awam	KP27	Jabatan Pertahanan Awam
27.	Pegawai Belia & Sukan	S41	Kementerian Belia dan Sukan
28.	Penolong Pegawai Belia dan Sukan	S27	Kementerian Belia dan Sukan
29.	Latihan Jurupulih Anggota	U29	Kementerian Kesihatan
30.	Latihan Jurupulih Cara kerja	U29	Kementerian Kesihatan
31.	Latihan Jururawat	U29	Kementerian Kesihatan
32.	Latihan Juururawat Pergigian	U29	Kementerian Kesihatan
33.	Latihan Juruteknologi Makmal	U29	Kementerian Kesihatan
34.	Latihan Juruteknologi Pergigian	U29	Kementerian Kesihatan
35.	Latihan Juru X-Ray	U29	Kementerian Kesihatan
36.	Latihan Penolong Pegawai Farmasi	U29	Kementerian Kesihatan
37.	Latihan Penolong Pegawai Persekitaran	U29	Kementerian Kesihatan
38.	Pegawai Penerangan	S41	Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan
39.	Penerbit Rancangan	B41	Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan
40.	Penerbit Rancangan	B27	Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan
41.	Penerbit Rancangan	B17	Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan
42.	Pegawai Kebudayaan	B41	Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan

Bil.	Nama Jawatan	Gred	Kementerian/Jabatan
43.	Pereka	B41	Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan
44.	Pereka	B27	Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan
45.	Pereka	B17	Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan
46.	Ahli Fotografi	B27	Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan
47.	Ahli Fotografi	B17	Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan
48.	Artis Budaya	B27	Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan
49.	Artis Budaya	B17	Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan
50.	Pegawai Kebudayaan	B27	Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan
51.	Pegawai Kebudayaan	B17	Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan
52.	Ahli Muzik	B41	Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan
53.	Ahli Muzik	B27	Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan
54.	Ahli Muzik	B17	Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan
55.	Jurusolek	B17	Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan
56.	Pegawai Teknologi Maklumat	F41	Jabatan Perkhidmatan Awam
57.	Pegawai Penerangan	S41	Kementerian Kesihatan Malaysia
58.	Pegawai Pembangunan Masyarakat	S41	Kementerian Kesihatan Malaysia
59.	Pegawai Penguatkuasa	N41	Jabatan Pengangkutan Jalan
60.	Penerbit Rancangan	B41	Jabatan Penyiaran Malaysia
61.	Latihan Penolong Pegawai Perubatan	U29	Kementerian Kesihatan Malaysia
62.	Penolong Juruaudit	W27	Jabatan Audit Negara
63.	Penolong Akauntan	W27	Jabatan Akauntan Negara
64.	Jurubahasa	L17	Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia
65.	Pembantu Pertahanan Awam	KP17	Jabatan Pertahanan Awam Malaysia
66.	Pegawai Imigresen	KP17	Jabatan Imegresen Malaysia

Pelaksanaan *MyRecruitment* Tahun 2013

Pada tahun 2013, SPA telah mengendalikan urusan penilaian secara profiling sebanyak 33 skim bagi mengisi kekosongan jawatan di kementerian/jabatan seperti berikut:

JADUAL 20
SENARAI SKIM JAWATAN YANG MELAKSANAKAN URUSAN PENGAMBILAN BERASASKAN *RECRUITMENT PROFILING MODEL* BAGI TAHUN 2013

Bil.	Jawatan	Kementerian/Jabatan
1.	Pegawai Tadbir Dan Diplomatik Gred M41	Jabatan Perkhidmatan Awam
2.	Penguasa Penjara Gred KX41	Jabatan Penjara Malaysia
3.	Peg. Teknologi Maklumat Gred F41	Jabatan Perkhidmatan Awam
4.	Pegawai Penerangan Gred S41 (KKM)	Kementerian Kesihatan Malaysia
5.	Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A41	Jabatan Penerbangan Awam
6.	Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S41 (KKM)	Kementerian Kesihatan Malaysia
7.	Pegawai Penguatkuasa Gred N41	Jabatan Pengangkutan Jalan
8.	Penerbit Rancangan Gred B41	Jabatan Penyiaran Malaysia
9.	Pegawai Kebudayaan Gred B41	Kementerian Komunikasi dan Multimedia
10.	Pereka Gred B27	Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia
11.	Latihan Jurupulih Anggota Gred U29	Kementerian Kesihatan
12.	Latihan Penolong Pegawai Perubatan Gred U29	Kementerian Kesihatan
13.	Latihan Jurupulih Carakerja Gred U29	Kementerian Kesihatan
14.	Latihan Jururawat Gred U29	Kementerian Kesihatan
15.	Latihan Juururawat Pergigian Gred U29	Kementerian Kesihatan
16.	Latihan Juruteknologi Makmal Gred U29	Kementerian Kesihatan
17.	Latihan Juruteknologi Pergigian Gred U29	Kementerian Kesihatan
18.	Latihan Juru X-Ray Gred U29	Kementerian Kesihatan
19.	Latihan Penolong Pegawai Farmasi Gred U29	Kementerian Kesihatan
20.	Latihan Penolong Pegawai Persekitaran Gred U29	Kementerian Kesihatan

Bil.	Jawatan	Kementerian/Jabatan
21.	Pen. Penguasa Penjara Gred KX27	Jabatan Penjara Malaysia
22.	Pen. Juruaudit Gred W27	Jabatan Audit Negara
23.	Pen. Akauntan Gred W27	Jabatan Akauntan Negara
24.	Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A29	Jabatan Penerbangan Awam
25.	Jurubahasa Gred L17	Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia
26.	Pen. Pegawai Penguatkuasa Gred N27	Jabatan Pengangkutan Jalan
27.	Pembantu Pertahanan Awam Gred KP17	Jabatan Pertahanan Awam Malaysia
28.	Leftenan Maritim Gred X17	Agensi Penguatkuasa Maritim
29.	Pegawai Penjara Gred KX17	Jabatan Penjara Malaysia
30.	Pegawai Imigresen Gred KP17	Jabatan Imigresen Malaysia
31.	Pegawai Bomba Gred KB17	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
32.	Pembantu Penguatkuasa Gred N17	Jabatan Pengangkutan Jalan
33.	Laskar Kelas II Maritim Gred X1	Agensi Penguatkuasa Maritim

URUSAN PEPERIKSAAN MEMASUKI PERKHIDMATAN AWAM

Peperiksaan memasuki perkhidmatan awam yang dijalankan oleh Suruhanjaya merujuk kepada penilaian melalui ujian kelayakan *(Qualifying Test)* untuk tujuan tapisan kepada calon-calon yang memohon sesuatu jawatan sebelum dinilai ke peringkat penilaian seterusnya iaitu Pusat Penilaian Kompetensi dan temu duga.

Pada tahun 2013, terdapat sebanyak 16 urusan peperiksaan dan 11 urusan pemeriksaan fizikal pancaindera telah dijalankan dengan jumlah keseluruhan panggilan calon seramai 296,353 orang. Kehadiran calon bagi kedua-dua urusan adalah seramai 138,909 orang dan jumlah calon lulus tapisan ini adalah seramai 19,699. Butiran urusan adalah seperti Jadual 21, 22 dan 23.

JADUAL 21
JUMLAH CALON DIPANGGIL MENDUDUKI
PEPERIKSAAN BERTULIS PADA TAHUN 2013

BIL	PEPERIKSAAN	KEKERAPAN URUSAN	BILANGAN CALON DIPANGGIL
1.	Latihan Separa Perubatan Gred U29	2	46,350
2.	Pegawai Tadbir dan DiplomatikGred M41	1	61,843
3.	Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A41	1	6,277
4.	Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A29	1	9,819
5.	Penolong Akauntan Gred W27	1	15,035
6.	Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S41	1	1,497
7.	Jurubahasa Gred L17	1	778
8.	Pereka Gred B27	1	258
9.	Penolong Penguasa Penjara Gred KX27	1	6,826
10.	Penguasa Penjara Gred KX41	1	7,411
11.	Pen. Juruaudit Gred W27	1	15,782
12.	Peg. Teknologi Maklumat Gred F41	1	8,158
13.	Pegawai Penerangan Gred S41	1	1,598
14.	Penerbit Rancangan Gred B41	1	5,037
15.	Pegawai Kebudayaan Gred B41	1	875
Jumlah		**16**	**187,544**

JADUAL 22
JUMLAH CALON DIPANGGIL MENDUDUKI PEMERIKSAAN FIZIKAL DAN PANCAINDERA PADA TAHUN 2013

BIL	PEMERIKSAAN FIZIKAL DAN PANCAINDERA	KEKERAPAN URUSAN	BILANGAN CALON DIPANGGIL
1.	Penolong Pegawai Penguat kuasa Gred N27	1	4,261
2.	Pembantu Penguatkuasa Gred N17	1	9,478
3.	Leftenan Maritim Gred X17	1	3,305
4.	Laskar Kelas II Maritim Gred X1	1	4,508
5.	Pegawai Bomba Gred KB17	1	20,615
6.	Penolong Penguasa Penjara Gred KX27	1	6,950
7.	Pegawai Penjara Gred KX17	1	26,888
8.	Pegawai Imigresen Gred KP17	1	8,495
9.	Penguasa Penjara Gred KX41	1	7,411
10.	Pembantu Pertahanan Awam Gred KP17	1	4,049
11.	Pegawai Penguatkuasa Gred N41	1	12,129
Jumlah		**11**	**108,089**


JADUAL 23
LAPORAN URUSAN PEPERIKSAAN SERTA PEMERIKSAAN FIZIKAL DAN PANCAINDERA TAHUN 2013

BIL	PEPERIKSAAN/ PEMERIKSAAN FIZIKAL DAN PANCAINDERA	TARIKH	JUMLAH CALON		
			PANGGIL	HADIR	LULUS
PEPERIKSAAN					
1.	Pereka Gred B27	6/3/2013	258	155	46
2.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41	13/4/ 2013	61,843	33,406	2,921
3.	Separa Perubatan Sesi Julai 2013	8 /4-10/5/2013	25,035	6,344	2,484
4.	Pen. Penguasa Penjara Gred KX27	15-16/4/2013	6,826	1,100	835

BIL	PEPERIKSAAN/ PEMERIKSAAN FIZIKAL DAN PANCAINDERA	TARIKH	JUMLAH CALON		
			PANGGIL	HADIR	LULUS
PEPERIKSAAN					
5.	Penguasa Penjara Gred KX41	13-17/5/2013	7,411	1,094	361
6.	Pen. Juruaudit Gred W27	18/5/2013	15,782	11,718	452
7.	Pen. Akauntan Gred W27	4/7/2013	15,035	9,311	993
8.	Jurubahasa Gred L17	21-26/7/2013	1,585	700	98
9.	Peg. Teknologi Maklumat Gred F41	27/7/2013	8,158	5,925	273
10.	Pegawai Penerangan Gred S41	29/8/2013	1,598	1,094	294
11.	Penerbit Rancangan Gred B41	5/10/2013	5,037	2,745	426
12.	Pegawai Kebudayaan Gred B41	28-29/10/2013	875	361	68
13.	Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S41 (KKM)	19/10/2013	1,497	955	543
14.	Separa Perubatan Sesi Januari 2014	28/9-8/11/2013	21,315	11,458	1,440
15.	Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A41	30/11/2013	6,277	3,707	1,398
16.	Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A29	7/12/ 2013	9,819	6,059	1,580
Jumlah		**-**	**187,544**	**96,132**	**14,212**
PEMERIKSAAN FIZIKAL, PANCAINDERA DAN KECERGASAN					
17.	Pembantu Pertahanan Awam Gred KP17	19-22/1/2013	4,049	904	342
18.	Leftenan Maritim Gred X17	2-4/2/2013	3,305	1,306	417
19.	Penolong Penguasa Penjara Gred KX27	15-16/4/2013	6,950	3,271	1,148
20.	Penguasa Penjara Gred KX41	13-16/5/2013	7,411	2,612	361

BIL	PEPERIKSAAN/ PEMERIKSAAN FIZIKAL DAN PANCAINDERA	TARIKH	JUMLAH CALON		
			PANGGIL	HADIR	LULUS
PEPERIKSAAN					
21.	Pegawai Penjara Gred KX17	20-29/5/2013	26,888	11,397	3,572
22.	Pegawai Imigresen Gred KP17	16-28/6/2013	8,495	3,214	1,072
23.	Pegawai Bomba Gred KB17	25.8-11/9/2013	20,615	8,027	937
24.	Pembantu Penguatkuasa Gred N17	18-22/8/2013	9,478	3,714	1,246
25.	Pegawai Penguatkuasa Gred N41 (JPJ & KPDNKK)	8-19/9/2013	12,129	5,932	1,488
26.	Pen. Pegawai Penguatkuasa Gred N27	6-11/10/2013	4,261	2,155	972
27.	Laskar Kelas II Maritim Gred X1	10-14/11/2013	4,508	1,215	369
Jumlah		**-**	**108,089**	**43747**	**11924**
Jumlah Keseluruhan			**296,440**	**139,879**	**26,136**

CARTA 6
BILANGAN PERMOHONAN, CALON DIPANGGIL PEPERIKSAAN, CALON HADIR PEPERIKSAAN DAN CALON LULUS PEPERIKSAAN BAGI TAHUN 2013



PUSAT PENILAIAN KOMPETENSI *(ASSESSMENT CENTRE)*

Pusat Penilaian Kompetensi *(Assessment Centre)* merupakan satu kaedah penapisan selepas calon lulus peperiksaan bagi menentukan kesesuaian calon dalam sesuatu jawatan itu. Ia mengukur kompetensi calon dari aspek *Attitude-Skill-Knowledge* (ASK) dengan tugas dan jawatan yang dipohon. Calon-calon akan dinilai dari segi kemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris atau bahasa-bahasa lain yang diperlukan, serta penilaian kompetensi yang diperlukan seperti komitmen, disiplin, kerjasama kumpulan, penampilan, kematangan idea, keyakinan diri, potensi kepimpinan dan lain-lain lagi.

Pada tahun 2013, sebanyak 14 Program Pusat Penilaian Kompetensi telah dijalankan sehingga Disember 2013 dengan jumlah panggilan calon seramai 42,288 orang. Kehadiran calon adalah seramai 21,580 manakala calon yang telah melepasi peringkat tapisan ini ke peringkat temu duga adalah seramai 4,661 iaitu sebanyak 21.60%. Maklumat terperinci mengenai urusan Pusat Penilaian Kompetensi bagi tahun 2013 adalah seperti Jadual 24.

JADUAL 24
URUSAN PUSAT PENILAIAN KOMPETENSI *(ASSESSMENT CENTRE)* TAHUN 2013

BIL.	JAWATAN	JUMLAH CALON			PERATUS KELULUSAN (%)
		PANGGIL	HADIR	LULUS	
1.	Pegawai Psikologi Gred S41	450	399	382	95.74
2.	Pereka Gred B27	258	155	155	100
3.	Pen. Peg. Hal Ehwal Islam Gred S27	956	649	364	56.09
4.	Pen. Peg Pembangunan Masyarakat Gred S27 (JKM)	1,164	991	822	82.95
5.	Pen. Penguasa Penjara Gred KX27	6,826	1,100	835	75.91
6.	Penolong Pegawai Penerangan Gred S27	173	133	78	58.65
7.	Penguasa Penjara Gred KX41	7,411	1,094	361	33
8.	Penolong Pegawai Juruaudit Gred W27	15,782	11,178	452	4.04
9.	Pen. Peg Pembangunan Masyarakat Gred S27 (KEMAS)	1,164	791	109	13.78
10.	Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S41 (KEMAS)	416	417	30	7.19
11.	Penerbit Rancangan Gred B41	5,037	2,745	426	15.52
12.	Pegawai Penerangan Gred S41	323	289	60	20.76
13.	Pegawai Kebudayaan Gred B41	875	361	68	18.84
14.	Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A41	1,453	1,278	519	40.61
JUMLAH		**42,288**	**21,580**	**4,661**	**21.60**



PENGESAHAN PERKHIDMATAN, PEMBERIAN TARAF BERPENCEN DAN PERTUKARAN PERKHIDMATAN



PENGENALAN

Suruhanjaya melaksanakan urusan perkhidmatan bagi pegawai Perkhidmatan Awam Am Persekutuan dan Perkhidmatan Awam Negeri di bawah bidang kuasanya seperti berikut:

- pengesahan pelantikan;
- pengesahan dalam perkhidmatan;
- pelanjutan tempoh percubaan;
- pemberian taraf berpencen;
- kembali ke dalam skim perkhidmatan terdahulu;
- pembatalan tawaran pelantikan;
- penamatan perkhidmatan;
- pertukaran perkhidmatan; dan
- penetapan gaji permulaan.

Jumlah keseluruhan urusan perkhidmatan yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya pada tahun 2013 adalah sebanyak 98,972 urusan.

PENGESAHAN PELANTIKAN

Pengesahan pelantikan adalah satu proses untuk mengesahkan pelantikan calon yang menerima sesuatu tawaran jawatan dan telah memenuhi syarat-syarat dalam tawaran pelantikan. Suruhanjaya telah mengesah pelantikan untuk 29,093 pegawai pada tahun 2013 iaitu seramai 9,645 pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 19,448 pegawai Kumpulan Sokongan. Maklumat Pengesahan Pelantikan adalah seperti Jadual 25.

JADUAL 25
PENGESAHAN PELANTIKAN BAGI TAHUN 2012-2013

PERKHIDMATAN	2012			2013			Peratus Peningkatan (%)
	PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN	JUMLAH	PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN	JUMLAH	
Perkhidmatan Awam Am Persekutuan	8,251	14,986	**23,237**	9,640	19,356	**28,996**	24.78
Perkhidmatan Awam Negeri:							
(i) Melaka	1	15	**16**	0	37	**37**	
(ii) Pulau Pinang	8	103	**111**	1	2	**3**	
(iii) Negeri Sembilan	12	37	**49**	3	17	**20**	
(iv) Perlis	0	23	**23**	1	36	**37**	
Jumlah	21	178	**199**	5	92	**97**	(51.26)
Jumlah Keseluruhan	**8,272**	**15,164**	**23,436**	**9,645**	**19,448**	**29,093**	**24.14**

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

Seseorang pegawai yang telah menjalani tempoh percubaan dengan jayanya, sama ada tempoh percubaan asal ataupun yang dilanjutkan, lulus peperiksaan yang ditetapkan (jika ada), hadir dengan jayanya Kursus Induksi/ Program Transformasi Minda dan mendapat sokongan Ketua Jabatan, layak disahkan dalam perkhidmatan mengikut Peraturan 27(1) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012.

Suruhanjaya telah meluluskan pengesahan dalam perkhidmatan untuk 23,931 pegawai pada tahun 2013 berbanding 33,547 pegawai pada tahun 2012. Sebanyak 8,133 pegawai dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 15,798 pegawai daripada Kumpulan Sokongan 1 telah disahkan dalam perkhidmatan pada tahun 2013 seperti pecahan di Jadual 26.

JADUAL 26
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2012-2013

PERKHIDMATAN	2012			2013			Peratus Peningkatan
	PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN I	JUMLAH	PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN I	JUMLAH	
Perkhidmatan Awam Am Persekutuan	8,586	24,637	**33,223**	8,123	15,742	**23,865**	(28.17)
Perkhidmatan Awam Negeri:	12	36	**48**	5	26	**31**	
(i) Melaka	15	88	**103**	1	4	**5**	
(ii) Pulau Pinang	9	107	**116**	3	6	**9**	
(iii) Negeri Sembilan	3	54	**57**	1	20	**21**	
(iv) Perlis							
Jumlah	39	285	**324**	10	56	**66**	(79.63)
Jumlah Keseluruhan	**8,625**	**24,922**	**33,547**	**8,133**	**15,798**	**23,931**	**(28.66)**

PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN

Pegawai yang tidak dapat disahkan dalam perkhidmatan kerana tidak lulus peperiksaan atau belum hadir Kursus Induksi yang ditetapkan atau tidak mendapat perakuan sokongan daripada Ketua Jabatan boleh dilanjutkan tempoh percubaan sama ada dengan denda atau tanpa denda mengikut Peraturan 30(1) Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012.

Pada tahun 2013, sebanyak 2,186 pegawai di bawah bidang kuasa Suruhanjaya telah diberi pelanjutan tempoh percubaan berbanding 2,267 pegawai pada tahun 2012. Sebanyak 1,153 pegawai dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan sebanyak 1,033 pegawai dari Kumpulan Sokongan 1 telah dilanjutkan tempoh percubaan. Pecahan perbandingan pelanjutan tempoh percubaan adalah seperti Jadual 27.

JADUAL 27
PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN BAGI TAHUN 2012-2013

PERKHIDMATAN	2012			2013			Peratus Peningkatan
	PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN I	JUMLAH	PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN I	JUMLAH	
Perkhidmatan Awam Am Persekutuan	604	1,617	**2,221**	1,143	1,022	**2,165**	(2.52)
Perkhidmatan Awam Negeri:							
(i) Melaka	0	4	**4**	7	0	**7**	
(ii) Pulau Pinang	6	7	**13**	0	1	**1**	
(iii) Negeri Sembilan	6	19	**25**	1	1	**2**	
(iv) Perlis	4	0	**4**	2	9	**11**	
Jumlah	16	30	**46**	10	11	**21**	(54.3)
Jumlah Keseluruhan	**620**	**1,647**	**2,267**	**1,153**	**1,033**	**2,186**	**(3.57)**

PEMBERIAN TARAF BERPENCEN

Seseorang pegawai tetap yang telah disahkan dalam perkhidmatan yang tidak bersetuju memilih opsyen skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan telah berkhidmat selama tidak kurang daripada tiga (3) tahun yang boleh diambil kira, boleh diberi taraf berpencen oleh Suruhanjaya mengikut Peraturan 36(1) dan (2) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012.

Pada tahun 2013, Suruhanjaya telah meluluskan pemberian taraf berpencen kepada 21,240 pegawai dari Perkhidmatan Awam Am Persekutuan dan Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis berbanding 31,645 pegawai pada tahun 2012. Pecahan urusan pemberian taraf berpencen bagi tahun 2012 dan tahun 2013 adalah seperti Jadual 28. Urusan pemberian taraf berpencen kepada pegawai Kumpulan Sokongan seperti di Jadual adalah melibatkan Kumpulan Sokongan I sahaja. Bagi Kumpulan Sokongan II, urusan pemberian taraf berpencen adalah dilaksanakan oleh Ketua Jabatan di bawah kuasa yang diwakilkan oleh Suruhanjaya dan tidak ditunjukkan di Jadual 28.

JADUAL 28
PEMBERIAN TARAF BERPENCEN BAGI TAHUN 2012-2013

PERKHIDMATAN	2012			2013			Peratus Peningkatan (%)
	PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN I	JUMLAH	PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN I	JUMLAH	
Perkhidmatan Awam Am Persekutuan	5,644	25,543	**31,187**	4,917	16,266	**21,183**	(32.08)
Perkhidmatan Awam Negeri:							
	7	112	**119**	6	20	**26**	
(i) Melaka	11	58	**69**	3	4	**7**	
(ii) Pulau Pinang	11	177	**188**	2	7	**9**	
(iii) Negeri Sembilan	5	77	**82**	2	13	**15**	
(iv) Perlis							
Jumlah	34	424	**458**	13	44	**57**	(87.55)
Jumlah Keseluruhan	**5,678**	**26,012**	**31,645**	**4,930**	**16,310**	**21,240**	**(32.88)**

KEMBALI KE DALAM SKIM PERKHIDMATAN TERDAHULU

Seseorang pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan terdahulu sebelum dilantik ke dalam skim perkhidmatan yang lain boleh dibenarkan kembali ke dalam skim perkhidmatan terdahulu apabila gagal untuk disahkan ke dalam skim perkhidmatan yang lain dengan syarat ada kekosongan jawatan dalam skim perkhidmatan terdahulu, kegagalan pegawai untuk disahkan mestilah bukan atas sebab kelakuannya yang tidak memuaskan. Seterusnya persetujuan Ketua Perkhidmatan yang berkenaan mestilah diperoleh. Pada tahun 2013, seramai 7 pegawai telah dikembalikan ke dalam skim perkhidmatan terdahulu berbanding 12 pegawai pada tahun 2012.

PEMBATALAN TAWARAN PELANTIKAN

Seseorang calon yang gagal memenuhi syarat tawaran pelantikan, iaitu sama ada disebabkan oleh keadaan kesihatan yang tidak memuaskan atau membuat akuan berkanun palsu boleh dibatalkan tawaran pelantikannya mengikut Peraturan 20 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012. Pada tahun 2013, 12 pegawai telah dibatalkan tawaran pelantikan oleh Suruhanjaya berbanding dengan 14 pegawai pada tahun 2012.

NOTIS PENAMATAN PERKHIDMATAN

Perkhidmatan seseorang pegawai tidak boleh ditamatkan di bawah Peraturan 48, 49 dan 50 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 melainkan jika pegawai itu telah diberi peluang untuk menunjukkan sebab, dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh penerimaan notis untuk menunjukkan sebab, mengapa perkhidmatannya tidak boleh ditamatkan.

Pada tahun 2013, Suruhanjaya telah mengeluarkan 264 notis penamatan kepada pegawai bagi memberi peluang kepada pegawai mengemukakan sebab mengapa perkhidmatan mereka tidak boleh ditamatkan berbanding 288 notis pada tahun 2012.

PENAMATAN PERKHIDMATAN

Pegawai yang dilantik ke perkhidmatan awam mestilah sihat dan tidak menyembunyikan apa-apa maklumat tentang kesihatannya, tidak membuat akuan berkanun palsu, menandatangani Surat Aku Janji, tidak memalsukan apa-apa dokumen yang berhubungan dengan pelantikannya dan lulus tapisan keselamatan, jika disyaratkan. Pegawai yang tidak memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan boleh ditamatkan perkhidmatannya mengikut Peraturan 48 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012. Bagi pegawai yang gagal tapisan keselamatan boleh ditamatkan perkhidmatannya di bawah Peraturan 49 dan pegawai yang gagal disahkan dalam perkhidmatan selepas tamat tempoh percubaan mereka kerana gagal memenuhi syarat pengesahan yang ditetapkan, juga boleh ditamatkan perkhidmatannya mengikut Peraturan 50 Peraturan-peraturan yang sama.

Suruhanjaya telah menamatkan perkhidmatan 207 pegawai pada tahun 2013 berbanding 191 pegawai pada tahun 2012. Maklumat adalah seperti Jadual 29.

JADUAL 29
KES PENAMATAN PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2012-2013

BIL.	SEBAB PENAMATAN PERKHIDMATAN	2012			2013		
		PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN I	JUMLAH	PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN I	JUMLAH
1.	Tidak lulus peperiksaan	0	21	21	0	28	28
2.	Tidak mendapat perakuan Ketua Jabatan	12	146	158	20	153	173
3.	Membuat Akuan Palsu	0	6	6	0	5	5
4.	Sembunyi maklumat kesihatan/peribadi	0	0	0	0	0	0
5.	Memalsukan dokumen	0	2	2	0	0	0
6.	Gagal Tapisan Keselamatan	0	4	4	0	1	1
7.	Prestasi/ Tata kelakuan	0	0	0	0	0	0
Jumlah		**12**	**179**	**191**	**20**	**187**	**207**



PERTUKARAN

Pertukaran yang diuruskan oleh Suruhanjaya melibatkan:

- pertukaran seseorang pegawai dalam skim perkhidmatan yang sama atau berlainan dalam perkhidmatan yang berada di bawah bidang kuasa Suruhanjaya;
- pertukaran seseorang pegawai dari Perkhidmatan Awam dan Badan Berkanun yang berada di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang lain dan pegawai badan berkanun ke Perkhidmatan Awam di bawah bidang kuasa Suruhanjaya; dan
- pelepasan seseorang pegawai di bawah bidang kuasa Suruhanjaya ke Perkhidmatan Awam di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang lain.

Pertukaran ini dilaksanakan mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2002, Surat Pekeliling Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia Bilangan 1 Tahun 2005, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2008, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2012 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2012 melalui kaedah berikut:

- pertukaran perkhidmatan;
- pertukaran pelantikan;
- pelantikan secara pertukaran sementara;
- pelantikan secara peminjaman;
- pelantikan secara pertukaran tetap; dan
- pelepasan dari Perkhidmatan Awam Am Persekutuan.

PERTUKARAN PERKHIDMATAN

Pertukaran seseorang pegawai ke jawatan dalam skim perkhidmatan yang sama dan berada di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang sama tetapi di bawah Ketua Perkhidmatan yang berlainan adalah dibenarkan dengan persetujuan Ketua Jabatan asal pegawai dan Ketua Jabatan agensi penerima. Alasan yang boleh dijadikan asas pertimbangan Suruhanjaya dalam meluluskan pertukaran perkhidmatan seseorang pegawai adalah seperti berikut :

- faktor perikemanusiaan seperti mengikuti suami atau isteri, menjaga ibu bapa atau ahli keluarga yang uzur atau sebab kesihatan; atau
- arahan Kerajaan yang memerlukan pegawai bertugas di agensi awam yang tidak membolehkan beliau ditempatkan secara pertukaran biasa; atau
- perkhidmatan, kemahiran, kepakaran atau pengalaman pegawai sangat diperlukan oleh agensi penerima; dan
- tidak menjejaskan peluang kenaikan pangkat pegawai sedia ada di agensi penerima jika pertukaran pelantikan melibatkan jawatan kenaikan pangkat.

Kelulusan pertukaran perkhidmatan yang diuruskan oleh Suruhanjaya adalah mengikut Surat Pekeliling Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia Bilangan 1 Tahun 2005. Pada tahun 2013, Suruhanjaya telah memproses 159 pertukaran perkhidmatan berbanding dengan 205 pertukaran pada tahun 2012. Maklumat pertukaran perkhidmatan adalah seperti Jadual 30.

JADUAL 30
PERTUKARAN PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2012-2013

BIL.	PERKHIDMATAN	2012	2013
1.	Dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan		
	a. Pertukaran Perkhidmatan Atas Permohonan Pegawai	189	114
	b. Pertukaran Perkhidmatan Atas Polisi Kerajaan	0	0
2.	Dari Perkhidmatan Awam Negeri Di Bawah Bidang Kuasa Suruhanjaya Ke Perkhidmatan Awam Am Persekutuan	16	45
Jumlah		**205**	**159**

PERTUKARAN PELANTIKAN ATAS PERMOHONAN SENDIRI

Pertukaran pelantikan atas permohonan sendiri dilaksanakan bagi membolehkan seseorang pegawai berpindah ke skim perkhidmatan yang sama di Pihak Berkuasa Melantik yang lain ke tempat pilihan mereka atas sebab-sebab tertentu. Pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan memenuhi kriteria-kriteria serta syarat-syarat pertukaran pelantikan yang ditetapkan sahaja akan dipertimbangkan.

Urusan pertukaran pelantikan atas permohonan sendiri ini dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2002. Pada tahun 2013, Suruhanjaya telah memproses 54 pertukaran pelantikan berbanding dengan 128 pertukaran pelantikan pada tahun 2012.

PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI PEMBERIAN OPSYEN

Pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen bermaksud perpindahan seseorang pegawai daripada satu skim perkhidmatan yang sama atau berlainan berikutan pembubaran atau pemansuhan jawatan yang perlu dibuat melalui opsyen. Pegawai yang menolak tawaran pertukaran pelantikan hendaklah dibersarakan di bawah Seksyen 10(5)(b) atau 10(5)(c) Akta Pencen 1980 (bagi pegawai berpencen) atau ditamatkan perkhidmatan (bagi pegawai tidak berpencen).

Pada tahun 2013, Suruhanjaya telah meluluskan pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen kepada 610 pegawai berbanding 123 pegawai pada tahun 2012 . Bilangan pegawai yang terlibat dalam pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen adalah bergantung kepada pekeliling perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dari semasa ke semasa.

PELANTIKAN SECARA PERTUKARAN SEMENTARA

Pelantikan secara pertukaran sementara bermaksud pelantikan seseorang pegawai ke perkhidmatan yang lain di bawah perenggan (a), (b), (c), (d) dan (h) Fasal (1) Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan atau pelantikan ke suatu jawatan dalam skim perkhidmatan yang lain di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang sama untuk tempoh tertentu tanpa memutuskan ikatan pegawai itu dengan perkhidmatan terdahulunya. Pertukaran sementara ini biasanya untuk mengisi jawatan terbuka. Pelantikan secara pertukaran ini dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2008, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2012 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2012.

Pada tahun 2013, Suruhanjaya telah memproses 902 pelantikan secara pertukaran sementara pegawai dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan bagi mengisi jawatan di Kementerian/Jabatan dan Perkhidmatan Awam Negeri di bawah bidang kuasa Suruhanjaya, berbanding 753 pertukaran pada tahun 2012.

PEMENDEKAN PERTUKARAN SEMENTARA/ PEMINJAMAN

Pemendekan pertukaran sementara/peminjaman adalah proses memendekkan tempoh kelulusan pertukaran sementara pegawai. Pemendekan pertukaran sementara/peminjaman ini dilaksanakan sama ada atas permohonan pegawai atau atas perakuan Ketua Jabatan berdasarkan sebab-sebab tertentu seperti kenaikan pangkat pegawai di jawatan hakiki yang lebih tinggi daripada pangkat jawatan pertukaran sementara/ peminjaman dan sebagainya. Pemendekan pertukaran sementara/peminjaman dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2008, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2012 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2012. Pada tahun 2013, Suruhanjaya telah memproses 238 pemendekan pertukaran sementara/peminjaman berbanding dengan 256 pada tahun 2012.

PELARASAN GAJI PERTUKARAN SEMENTARA/PEMINJAMAN

Pelarasan gaji pertukaran sementara/ peminjaman adalah proses menyelaraskan gaji pegawai yang dilantik secara pertukaran sementara/peminjaman berikutan kenaikan gaji di jawatan hakiki pegawai selepas tarikh kelulusan pertukaran sementara. Urusan pelarasan gaji pertukaran sementara/peminjaman ini dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2008, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2012 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2012. Pada tahun 2013, Suruhanjaya telah memproses 30 pelarasan gaji pertukaran sementara/peminjaman berbanding dengan 99 penyelarasan gaji pada tahun 2012.

PELANTIKAN SECARA PEMINJAMAN

Pelantikan secara peminjaman ialah pelantikan seseorang pegawai perkhidmatan di bawah perenggan (a), (b), (c), (d), dan (h) Fasal (1) Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan ke perkhidmatan di bawah perenggan (g) Fasal (1) Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan, pihak berkuasa berkanun, pihak berkuasa tempatan atau mana-mana organisasi di dalam atau di luar Malaysia. Pelantikan secara peminjaman ini dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2008, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2012 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2012. Suruhanjaya telah memproses 101 pelantikan secara peminjaman pada tahun 2013 berbanding dengan 79 pada tahun 2012.

PELANTIKAN SECARA PERTUKARAN TETAP

Pelantikan secara pertukaran tetap perkhidmatan ialah pelantikan pegawai yang berkhidmat secara peminjaman atau pertukaran sementara ke mana-mana jawatan di agensi peminjam sekurang-kurangnya setahun di mana dengan pelantikan itu hubungan pegawai dengan perkhidmatan asalnya terputus kecuali bagi tujuan faedah pencen dan faedah yang lain seperti yang ditetapkan dalam syarat pertukaran tetap. Pada tahun 2013, Suruhanjaya telah memproses 11 pertukaran tetap perkhidmatan pegawai berbanding dengan 8 pada tahun 2012.

Maklumat mengenai pelantikan secara pertukaran sementara, pemendekan pertukaran sementara, pelarasan gaji pertukaran sementara, peminjaman dan pelantikan secara pertukaran tetap perkhidmatan bagi tahun 2012 dan 2013 adalah seperti Jadual 31.

JADUAL 31
PELANTIKAN SECARA PERTUKARAN SEMENTARA, PEMENDEKAN PERTUKARAN SEMENTARA, PELARASAN GAJI PERTUKARAN SEMENTARA, PEMINJAMAN, PELANTIKAN SECARA PERTUKARAN TETAP BAGI TAHUN 2012-2013

BIL.	URUSAN	2012	2013
1.	Pelantikan Secara Pertukaran Sementara	753	902
2.	Pemendekan Pertukaran Sementara/ Peminjaman	256	238
3.	Pelarasan Gaji Pertukaran Sementara/ Peminjaman	99	30
4.	Pelantikan Secara Peminjaman	79	101
5.	Pertukaran Tetap Perkhidmatan		
	a. Pelantikan Secara Pertukaran Sementara Ke Perkhidmatan Tetap	5	8
	b. Pelantikan Secara Peminjaman Ke Perkhidmatan Tetap	3	3
Jumlah		**1,195**	**1,282**

PELEPASAN UNTUK PEMINJAMAN DAN PERTUKARAN PELANTIKAN

Pelepasan untuk pelantikan secara peminjaman bermaksud pelepasan yang diberikan kepada seseorang pegawai oleh Suruhanjaya untuk berkhidmat dalam perkhidmatan di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang lain bagi suatu tempoh tertentu di mana hubungan pegawai dengan perkhidmatan asalnya tidak terputus. Pelepasan untuk pelantikan secara peminjaman dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2008, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2012.

Pelepasan untuk pertukaran pelantikan bermaksud pelepasan yang diberikan kepada seseorang pegawai oleh Suruhanjaya untuk bertukar pelantikan di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang lain di mana hubungan pegawai dengan perkhidmatan asalnya terputus kecuali bagi tujuan faedah pencen dan faedah lain yang ditetapkan. Pelepasan untuk pertukaran pelantikan dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2002.

Pada tahun 2013, Suruhanjaya telah meluluskan 155 permohonan di mana 53 adalah pelepasan untuk peminjaman dan 102 melibatkan pelepasan untuk pertukaran pelantikan berbanding dengan tahun 2012, Suruhanjaya telah memproses 322 permohonan, iaitu 12 permohonan bagi pelepasan untuk peminjaman dan 310 pelepasan untuk pertukaran pelantikan. Maklumat pelepasan untuk peminjaman dan pertukaran pelantikan bagi tahun 2011 dan 2012 adalah seperti Jadual 32.

JADUAL 32
PELEPASAN UNTUK PEMINJAMAN DAN PERTUKARAN PELANTIKAN BAGI TAHUN 2012-2013

BIL.	URUSAN	2012	2013
1.	Pelepasan Untuk Peminjaman	12	53
2.	Pelepasan Untuk Pertukaran Pelantikan	310	102
Jumlah		**322**	**155**

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

Penetapan gaji permulaan seseorang pegawai dilaksanakan berdasarkan kepada peraturan berikut:

- seseorang pegawai yang dilantik bagi kali pertama ke dalam perkhidmatan awam akan dibayar gaji permulaan dalam tangga gaji jawatan skim perkhidmatan yang dimasukinya;
- pegawai yang telah disahkan kemudiannya dilantik ke dalam skim perkhidmatan yang lain, gaji permulaan pegawai itu hendaklah pada suatu mata gaji yang lebih tinggi seperti yang diperuntukkan di bawah Peraturan 25(7) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012;
- pegawai yang dilantik bagi kali pertama dan memiliki pengalaman yang relevan dengan jawatan yang akan disandangnya boleh diberikan gaji permulaan yang lebih tinggi berdasarkan satu pergerakan gaji biasa bagi tiap-tiap genap satu tahun pengalaman yang relevan itu seperti yang diperuntukkan di bawah Peraturan 25(2) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012; dan
- Bekas tentera yang dilantik ke dalam perkhidmatan awam yang mempunyai pengalaman yang relevan atau tidak relevan sepenuhnya dengan skop dan fungsi tugas jawatan yang disandang boleh dipertimbangkan Hadiah Pergerakan Gaji (HPG) mengikut formula yang ditetapkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1979, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2001 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2011.

Pada tahun 2013, Suruhanjaya telah meluluskan 1,888 urusan penetapan gaji permulaan pegawai Perkhidmatan Awam iaitu sebanyak 930 di bawah Peraturan 25(7) iaitu berdasarkan pengalaman relevan dan sebanyak 958 di bawah Peraturan 25(2) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012. Maklumat penetapan gaji permulaan bagi tahun 2011 dan 2012 adalah seperti Jadual 33.



JADUAL 33
PENETAPAN GAJI PERMULAAN BAGI TAHUN 2012-2013

BIL.	URUSAN	2012	2013
1.	Pegawai tetap yang dilantik ke jawatan baru mengikut Peraturan 25(7) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012.	556	930
2.	Pegawai yang dilantik mempunyai pengalaman di sektor swasta mengikut Peraturan 25(2) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012.	880	958
Jumlah		**1,436**	**1,888**

NAZIRAN URUSAN PERKHIDMATAN

Naziran Urusan Perkhidmatan adalah bertujuan untuk mewujudkan keseragaman dan memastikan urusan perkhidmatan yang dilaksanakan oleh Kementerian/Jabatan bagi pegawai lantikan SPA mematuhi Dasar dan Peraturan, Pekeliling, Surat Pekeliling, Pandangan Perundangan dan Ruling Suruhanjaya dari semasa ke semasa. Prosedur ini diguna pakai oleh Unit Naziran Bahagian Perkhidmatan SPA Putrajaya dalam memantau urusan perkhidmatan yang dilaksanakan oleh Kementerian/Jabatan bagi urusan-urusan Pengesahan Pelantikan, Pengesahan Dalam Perkhidmatan, Pelanjutan Tempoh Percubaan, Pemberian Taraf Berpencen, Kembali Ke Dalam Skim Perkhidmatan Terdahulu, Pembatalan Tawaran Pelantikan, Penamatan Perkhidmatan, Penetapan Gaji Permulaan dan Pertukaran Perkhidmatan.

Selain itu, semakan secara rawak juga dibuat ke atas fail yang diberi perwakilan kuasa di bawah Surat Cara Perwakilan Kuasa 1997 [P.U.(B) 496/1997] untuk memastikan urusan perkhidmatan yang dilaksanakan di Jabatan/Agensi yang dikemukakan ke Kementerian adalah mengikut peraturan yang telah ditetapkan. Usaha ini bertujuan membantu Jabatan/Agensi amnya dan Kementerian khasnya bagi memperbaiki serta mengatasi kelemahan yang berlaku agar perkara yang sama tidak berulang di masa hadapan. Pasukan naziran turut memberi taklimat ringkas berkenaan kesilapan lazim urusan perkhidmatan, perkongsian ilmu dan khidmat nasihat serta penjelasan berhubung soalan yang dikemukakan oleh Jabatan/Agensi semasa naziran dilaksanakan.

Pada tahun 2013, Suruhanjaya telah menjalankan naziran ke atas 20 buah Kementerian/Jabatan yang tertakluk di bawah bidang kuasa lantikan SPA. Suruhanjaya juga telah mengambil tindakan susulan pada hari naziran dijalankan seperti berikut:

- membuat teguran secara terus kepada Pengurusan Sumber Manusia di Kementerian-kementerian terlibat;
- memberi khidmat nasihat mengenai urusan perkhidmatan yang dilaksanakan agar ianya selaras dengan peraturan dan kaedah yang diguna pakai oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam; dan
- meminta Pengurusan Sumber Manusia mengambil tindakan pembetulan segera berasaskan teguran yang dibuat.

Suruhanjaya juga telah mengemukakan beberapa cadangan kepada pihak Pengurusan Sumber Manusia supaya:

- mengadakan kursus perkhidmatan kepada pegawai yang baru dilantik, baru bertukar dan pegawai-pegawai yang terlibat secara langsung menguruskan urusan perkhidmatan di peringkat Kementerian/ Jabatan; dan

- urusan naziran dilakukan secara berkala pada setiap tahun bagi mengelakkan berlakunya kesilapan ketika menguruskan urusan perkhidmatan.

Suruhanjaya telah memaklumkan keputusan dan penemuan naziran untuk tindakan penambahbaikan di peringkat Kementerian/Jabatan bagi meningkatkan kualiti dalam pelaksanaan urusan perkhidmatan. Kementerian/Jabatan yang dinazir diminta memberi kerjasama ke atas perkara berikut:

- menggunakan senarai semak yang diedarkan oleh Suruhanjaya dan memanjangkan penggunaan senarai semak ke Jabatan/Agensi Negeri di bawah tanggungjawab mereka;

- menghantar perakuan terus ke Suruhanjaya bagi mempercepatkan proses dengan syarat setiap urusan yang dihantar dari Jabatan/Agensi disalinkan ke Kementerian supaya Kementerian mengambil maklum urusan yang dilaksanakan;

- menjalankan naziran urusan perkhidmatan secara berkala ke Jabatan/Agensi Negeri agar urusan perkhidmatan dapat dilaksanakan dengan lebih tersusun dan sistematik; dan

- memberi perhatian ke atas cadangan notis Penamatan Perkhidmatan pegawai bagi memastikan cadangan notis tersebut dapat diserahkan kepada pegawai mengikut jadual yang ditetapkan.





KENAIKAN PANGKAT DAN KAWALAN TATATERTIB



PENGENALAN

Fasal (1) Perkara 144 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan, antara lain, fungsi/tugas Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia untuk menaikkan pangkat dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota-anggota bagi perkhidmatan Perkhidmatan Awam Am Persekutuan, Perkhidmatan Awam Bersama dan Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Perlis dan Negeri Sembilan. Fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia berhubung kenaikan pangkat dan kawalan tatatertib, meliputi urusan-urusan berikut:

- menguruskan tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Pengurusan Tertinggi;
- menguruskan rayuan tatatertib;
- menguruskan kenaikan pangkat bagi Ahli-Ahli Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam; dan
- menguruskan rayuan kenaikan pangkat.

KENAIKAN PANGKAT

Suruhanjaya melaksanakan urusan kenaikan pangkat Ahli-Ahli Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam bagi jawatan-jawatan berikut:

- Ketua Setiausaha Negara;
- Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam;
- Ketua Setiausaha Perbendaharaan;
- Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri;
- Ketua Pengarah Kesihatan; dan
- Ketua Pengarah Kerja Raya.

Sepanjang tahun 2013, Suruhanjaya telah menerima dua (2) permohonan untuk urusan Kenaikan Pangkat Ahli Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam berbanding satu (1) urusan yang dilaksanakan pada tahun 2012 seperti di Jadual 34.

JADUAL 34
URUSAN KENAIKAN PANGKAT AHLI LEMBAGA KENAIKAN PANGKAT PERKHIDMATAN AWAM BAGI TAHUN 2012- 2013

BIL.	URUSAN	2012 (BIL. PEGAWAI)	2013 (BIL. PEGAWAI)
1.	Ketua Setiausaha Negara	1	-
2.	Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Gred Utama Turus I	-	1
3.	Ketua Setiausaha Perbendaharaan	-	-
4.	Ketua Pengarah Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia, Gred Utama Turus II	-	-
5.	Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri, Gred Utama Turus III	-	1
6.	Ketua Pengarah Kerja Raya Kementerian Kerja Raya, Gred Utama Turus III	-	-
Jumlah		**1**	**2**

RAYUAN KENAIKAN PANGKAT

Suruhanjaya berfungsi sebagai Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam bagi menimbangkan rayuan yang melibatkan pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Sokongan I (Gred 17 hingga 40) dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan serta Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis mulai 1 April 2010 sebagaimana diperuntukkan dalam Peraturan-Peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam 2010.

Sepanjang tahun 2013, Suruhanjaya selaku Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam telah menimbang 72 kes dalam empat (4) jenis urusan iaitu rayuan kerana gagal dinaikkan pangkat (6 kes), rayuan kerana gagal dalam urusan pemangkuan (54 kes), rayuan untuk meminda tarikh pemangkuan (9 kes) dan merayu terhadap penamatan pemangkuan (3 kes).

Daripada jumlah kes tersebut, Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat telah bersetuju mengubah keputusan Lembaga Kenaikan Pangkat yang berkenaan bagi dua (2) rayuan kerana gagal dalam urusan pemangkuan dan tiga (3) rayuan meminda tarikh pemangkuan.

Berbanding tahun 2012, Suruhanjaya selaku Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam telah menimbang 98 kes dalam lima (5) jenis urusan iaitu rayuan kerana gagal dinaikkan pangkat (28 kes), rayuan membelakangkan tarikh kenaikan pangkat (2 kes), rayuan kerana gagal dalam urusan pemangkuan (62 kes), rayuan untuk meminda tarikh pemangkuan (1 kes) dan rayuan terhadap penamatan pemangkuan (5 kes).

Maklumat lanjut seperti di Jadual 35.

JADUAL 35
URUSAN RAYUAN KENAIKAN PANGKAT/PEMANGKUAN BAGI TAHUN 2012 – 2013

BIL.	URUSAN	TAHUN 2012				TAHUN 2013			
		BIL. KES	BIL. PEGAWAI	KEPUTUSAN		BIL. KES	BIL. PEGAWAI	KEPUTUSAN	
				TERIMA	TOLAK			TERIMA	TOLAK
1.	Rayuan kerana gagal dinaikkan pangkat	28	35	3	32	6	7	-	7
2.	Rayuan membelakangkan tarikh kenaikan pangkat	2	2	-	2	-	-	-	-
3.	Rayuan kerana gagal dalam urusan pemangkuan	62	89	3	86	54	565	2	563
4.	Rayuan untuk meminda tarikh pemangkuan	1	1	-	1	9	21	3	18

BIL.	URUSAN	TAHUN 2012				TAHUN 2013			
		BIL. KES	BIL. PEGAWAI	KEPUTUSAN		BIL. KES	BIL. PEGAWAI	KEPUTUSAN	
				TERIMA	TOLAK			TERIMA	TOLAK
5.	Rayuan daripada ditamatkan pemangkuan	5	5	-	5	3	4	-	4
Jumlah Keseluruhan		**98**	**132**	**6**	**126**	**72**	**597**	**5**	**592**

KAWALAN TATATERTIB

Berdasarkan peruntukan undang-undang, khususnya Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993 [P.U.(A) 396/1993], sebahagian kuasa kawalan tatatertib dijalankan oleh Lembaga Tatatertib di peringkat kementerian, jabatan dan pentadbiran negeri yang berkenaan. Suruhanjaya hanya berfungsi sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib bagi kes seperti berikut:

- tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat yang melibatkan pegawai Kumpulan Tertinggi serta Kumpulan Pengurusan dan Profesional di dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan; dan
- tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat yang melibatkan pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi, Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Sokongan dalam Perkhidmatan Awam bagi Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis.

Sepanjang tahun 2013, Suruhanjaya telah memutuskan 127 kes tindakan tatatertib berbanding dengan 79 kes pada tahun 2012. Maklumat lanjut adalah seperti di Jadual 36.

JADUAL 36
TINDAKAN TATATERTIB BAGI TAHUN 2012– 2013

BIL.	JENIS KESALAHAN	2012	2013
1.	Tidak hadir bertugas	60	95
2.	Sabitan mahkamah	11	12
3.	Tatakelakuan	8	20
Jumlah		**79**	**127**

Tahan Kerja

Perintah tahan kerja dikenakan ke atas pegawai apabila telah dimulakan prosiding-prosiding berikut:

- prosiding jenayah
- prosiding tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat

Pada tahun 2013, Suruhanjaya telah menahan kerja empat (4) orang pegawai yang sedang menghadapi prosiding jenayah di mahkamah berbanding 15 orang pegawai pada tahun 2012. Maklumat lanjut adalah seperti di Jadual 37.

JADUAL 37
KES TAHAN KERJA / PENAMATAN TAHAN KERJA BAGI TAHUN 2012-2013

BIL.	JENIS KESALAHAN	2012	2013
1.	Akta Pencegahan Rasuah 1997 / Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009	12	3
2.	Kesalahan jenayah di bawah Kanun Keseksaan	3	1
3.	Kesalahan jenayah oleh Mahkamah Syariah	-	-
JUMLAH		**15**	**4**

Gantung Kerja

Perintah gantung kerja dikenakan ke atas pegawai dalam keadaan seperti berikut:

- pegawai telah disabitkan oleh mana-mana mahkamah; atau
- suatu perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri dan sebagainya seperti dinyatakan di bawah Peraturan 32 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 telah dibuat terhadap pegawai.

Sepanjang tahun 2013, Suruhanjaya telah menggantung kerja seorang pegawai yang telah disabitkan kesalahan oleh mahkamah atas kesalahan rasuah. Manakala pada tahun 2012, Suruhanjaya juga telah menggantung kerja enam (6) orang pegawai yang telah disabitkan kesalahan oleh mahkamah iaitu dua (2) orang pegawai atas kesalahan rasuah,seorang pegawai atas kesalahan jenayah di bawah kanun keseksaan dan tiga (3) orang pegawai atas kesalahan jenayah oleh Mahkamah Syariah. Maklumat lanjut seperti di Jadual 38.

JADUAL 38
KES GANTUNG KERJA / PENAMATAN GANTUNG KERJA
BAGI TAHUN 2012 – 2013

BIL.	JENIS KESALAHAN	2012	2013
1.	Akta Pencegahan Rasuah 1997 / Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009	2	1
2.	Kesalahan jenayah di bawah Kanun Keseksaan	1	-
3.	Kesalahan jenayah oleh Mahkamah Syariah	3	-
JUMLAH		**6**	**1**

RAYUAN TATATERTIB

Selaras dengan Peraturan 12 Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993, Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam yang terdiri daripada anggota-anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia ditubuhkan dan Lembaga tersebut berfungsi bagi mengendalikan kes-kes seperti berikut:

- rayuan daripada semua kumpulan pegawai dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan serta Perkhidmatan Awam Negeri Sembilan dan Perlis, yang dikenakan hukuman tatatertib oleh Lembaga Tatatertib di peringkat kementerian, jabatan atau pentadbiran negeri yang berkenaan; dan

- rayuan daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dalam Perkhidmatan Awam Negeri Melaka dan Pulau Pinang yang telah dikenakan hukuman selain buang kerja atau turun pangkat serta rayuan daripada pegawai Kumpulan Sokongan II dalam perkhidmatan awam tersebut, yang telah dikenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat oleh Lembaga Tatatertib di pentadbiran negeri berkenaan.

Sepanjang tahun 2013, Suruhanjaya telah memutuskan 605 kes rayuan tatatertib berbanding 403 kes pada tahun 2012. Maklumat lanjut adalah seperti di Jadual 39.

JADUAL 39
KEPUTUSAN RAYUAN TATATERTIB BAGI TAHUN 2012-2013

BIL	PERKARA	TAHUN	
		2012	2013
1.	Mengesahkan keputusan Lembaga Tatatertib Jabatan	377	538
2.	Menghantar balik kes untuk ditimbang semula	2	10
3.	Mengubah hukuman kepada yang lebih ringan	10	38
4.	Mengakas keputusan dan hukuman dan membebaskan perayu	14	19
Jumlah		**403**	**605**

BAJET



PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2013

Peruntukan Tanggungan

Di bawah maksud Tanggungan (T09), Suruhanjaya telah diluluskan peruntukan berjumlah RM7,490,000.00. Berdasarkan peruntukan ini, sebanyak RM3,590,000.00 untuk Emolumen; RM3,800,000.00 untuk Perkhidmatan dan Bekalan dan RM100,000.00 untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap. Peruntukan yang telah dibelanjakan sehingga tarikh akaun awam tahun 2013 ditutup ialah RM5,323,398.07atau 71.07%. Peruntukan Tanggungan bagi tahun 2013 adalah seperti Carta 7.


CARTA 7
Peruntukan Tanggungan Tahun 2013



Peruntukan Bekalan

Di bawah Maksud Bekalan (B05), Suruhanjaya telah diperuntukkan sebanyak RM49,646,000.00. Daripada jumlah itu sebanyak RM18,601,700.00 untuk Emolumen; RM30,944,300.00 untuk Perkhidmatan dan Bekalan; dan RM100,000.00 untuk Aset Pemberian. Perbelanjaan sebenar sehingga tarikh penutupan Akaun Awam adalah sebanyak RM49,645,917.00 atau 100%. Peruntukan Bekalan bagi tahun 2013 adalah seperti Carta 8.

CARTA 8
PERUNTUKKAN BEKALAN TAHUN 2013



KERATAN AKHBAR



Kaum Cina, India semakin berminat sertai sektor perkhidmatan awam

Permohonan naik mendadak

Oleh NAZMIL NASIRUDDIN
pengarang@utusan.com.my



PUTRAJAYA 2 Jan. - Berlaku peningkatan mendadak terhadap permohonan kaum Cina dan India memasuki sektor perkhidmatan awam dalam tempoh Jun hingga Disember tahun lepas berbanding sekitar dua peratus sahaja pada tempoh sama tahun sebelumnya.

Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Tan Sri Mahmood Adam **(gambar)** berkata, peningkatan itu mewakili sebanyak 77 peratus kaum Cina dan 79 peratus kaum India daripada jumlah keseluruhan permohonan sebanyak 814,659 sepanjang tahun lalu.

Katanya, bagi kaum Melayu pula peningkatan yang direkodkan adalah sebanyak 63 peratus manakala lain-lain kaum termasuk bumiputera Sabah dan Sarawak meningkat sebanyak 77 peratus.

"Peningkatan itu hasil inisiatif kerjasama SPA dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan beberapa persatuan dalam jawatankuasa khas menarik minat orang ramai menyertai perkhidmatan awam," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Menurut Mahmood, jawatankuasa khas itu sentiasa melakukan penambahbaikan melalui termasuk memperluaskan program seminar sedia ada ke sekolah dan institut pengajian tinggi (IPT).

Sementara itu, beliau berkata, sebanyak 47,335 lantikan baru dibuat pada tahun lepas melibatkan seramai 33,427 Melayu; 2,630 Cina; 2,354 India dan 8,924 lain-lain kaum termasuk Bumiputera Sabah serta Sarawak.

Pada masa sama, katanya, pihaknya turut mengendalikan beberapa bidang tugas sepanjang tahun lepas termasuk 43 kali Mesyuarat Suruhanjaya yang melibatkan sebanyak 631, 692 pendaftaran baru.

"Selain itu, tugasan dijalankan membabitkan sebanyak 23,436 pengesahan pelantikan; 33,547 pengesahan dalam perkhidmatan; dan 31,645 pemberian taraf pencen.

"SPA turut mengendalikan sebanyak 132 kes tindakan tatatertib; 563 kes rayuan tatatertib dan 73 kes rayuan naik pangkat," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, pecahan kes tindakan tatatertib membabitkan sebanyak 102 kes tidak hadir bertugas; 12 kes sabitan mahkamah; dan 18 kes tatakelakuan.

"Bagi kes rayuan tatatertib pula melibatkan 313 kes tidak hadir bertugas; 55 kes sabitan mahkamah dan 195 kes tatakelakuan," katanya.

Graduan kelas pertama luar negara diberi keutamaan

Tawaran berkhidmat dalam sektor awam



BAGAN DATOH – Graduan yang memperoleh ijazah kelas pertama dari pusat pengajian tinggi luar negara diberi keutamaan untuk berkhidmat dalam sektor awam di negara ini.

Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Datuk R. Segarajah berkata **(gambar)**, lulusan cemerlang tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan kerajaan negeri diberi keutamaan untuk bekerja dalam sektor awam.

"Mereka (lulusan) akan melalui temu duga untuk membolehkan mereka membuat pilihan atau dilantik terus ke dalam perkhidmatan kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan sesi interaksi SPA bersama ketua jabatan Persekutuan, badan-badan berkanun dan pertubuhan bukan kerajaan daerah Hilir Perak di sini semalam.

Menurut beliau, sekiranya graduan tersebut tidak mahu berkhidmat dalam sektor awam, mereka dibenarkan bekerja di sektor swasta melalui pengurusan Talent Corporation Malaysia Berhad.

Katanya, setakat ini seramai 100 lulusan cemerlang dari pusat pengajian tinggi luar negara ditawarkan untuk berkhidmat dalam sektor awam.



TIMBALAN Setiausaha (Pengambilan) Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia Zainal Abidin Ahmad (dua dari kanan) melihat Mohd Halim Shamsuddin, 23, (duduk tengah) dan Mohd Nur Hafiz Mohd Hanafi, 25, (kanan) mendaftar perkerjaan secara online di Karnival Kerjaya Perkhidmatan Awam di Kompleks Bimbingan Usahawan Tani, Pagoh, baru-baru ini.

HM 31/1/2013 ms 24

Perlu realistik ketika cari kerja

Cabaran graduan di Malaysia masa kini tentulah kesukaran mendapatkan pekerjaan setimpal dengan ijazah yang dimiliki. Keadaan sekarang jauh berbeza dengan senario 20 hingga 30 tahun dulu kerana pada waktu itu pekerjaan di sektor awam atau swasta sedia menanti mana-mana graduan yang berjaya menamatkan pengajian.

Kesan daripada kesukaran mendapatkan pekerjaan dalam kalangan graduan boleh diperhatikan menerusi kadar pengangguran di negara ini.

Berdasarkan statistik Jabatan Tenaga Manusia, kadar pengangguran di negara ini pada 2012 sekitar 3.1 peratus. Kadar pengangguran ini secara relatif masih rendah berbanding peratusan dicatatkan di beberapa negara maju seperti Amerika Syarikat.

Tidak dinafikan bahawa ke- tulah tidak.

Ketua Sekretariat Skim Latihan 1Malaysia, Norashikin Ismail baru-baru ini mendedahkan wujudnya kecenderungan graduan berlumba-lumba memohon pekerjaan dengan syarikat besar. Sebenarnya graduan perlu realistik dalam mencari pekerjaan. Jika mereka berkeras hendak memandang pekerjaan di syarikat yang gah maka pendirian sedemikian perlu dinilai kembali.

Asah kemahiran

Sepatutnya seseorang graduan memiliki keghairahan mencari kerja dengan nawaitu untuk mengasah kemahiran dan pengalamannya tanpa mempersoalkan status syarikat.

Apabila sudah berada dalam alam kerjaya segala teori dan pelajaran yang ditimba di universiti hanya menyumbang 10 peratus

Sumber Manusia sentiasa mengatur program bagi mengatasi masalah graduan yang kurang kemahiran hingga menyukarkan mereka mendapat pekerjaan. Selain mendapat kemahiran seseorang graduan yang mengikuti program berkenaan akan menerima elaun sepanjang mengikuti latihan.

Sungguhpun elaun mungkin nilainya tidaklah besar, namun perkara lebih penting ialah graduan terbabit berpeluang membina tapak dalam kerjaya yang diceburinya.

Tempoh program latihan kemahiran yang biasanya antara enam bulan hingga setahun adalah satu landasan keemasan bagi graduan mendapat pendedahan mengenai pelbagai kemahiran dalam kerjaya.

Selain menguasai ilmu teknikal graduan perlu meneroka kemahiran bukan teknikal seperti teknik komunikasi berkesan. Hal

298人受聘公务員

28華裔錄取 成功率55%

（布城21日讯）公共服务委员会主席丹斯里马末阿当指出，该委员会近期共接获9万2558份应征公务员申请，其中2666人受传召面试，录取者有298人，华裔公务员录取率最高，达54.90%。

他说，当中非土著申请日益增加，因此指非土著没有兴趣当公务员的说法，并不正确。

他补充，共有4363名华裔申请加入公共服务领域，56名符合资格者受传召面试，其中51人出席面试活动，被录取人士则有28人。

須通過試用期

此外，他指出，印裔录取率达42.88%，而巫裔则只有24.88%。

"非土著申请人数逐渐增加，这是一个正面发展趋势；我们会继续努力，接触更多非土著，吸引他们当公务员。"

马末阿当须发聘用通知信给新录取公务员后，在记者会这么指出。

在场者包括该委员会副主席斯嘉拉惹及公共服务局高级副主任莫哈末再里尔。

他指出，公共服务委员会是在转型计划下，首度举行颁发聘用通知书仪式，希望和公务员有更多互动，以了解他们的问题。

马末阿当说，这批刚接获聘用通知书人士，还未成为正式公务员，他们必须向各别单位报到，并且通过试用期后，才能成为正式公务员。

被录取的298名新公务员中，分别隶属不同政府部门或机构，其中包括公共服务局行政与外交（M41级，18人）、卫生部医疗人员（UD41，98人）、科学与工艺部研究员（Q41级，1人）、卫生部药剂人员（U41级，28人）、卫生部牙医（U4级，7人）、公共服务局资讯工艺人员（F29级，70人）、交通部执法人员（N27级，76人）。

公共服務局應征及錄用公務員數據

种族	申请者总数	传召面试人数	出席面试人数	成功录取人数	成功录取巴仙率
巫裔	78,209	2,385	925	230	24.86%
华裔	4,363	56	51	28	54.90%
印裔	3,318	57	56	24	42.85%
土著（沙巴及砂拉越）	5,622	140	126	13	10.31%
其他	1,046	28	27	3	11.11%
总数	92,558	2,666	1,185	298	



■马末阿当（左）颁发录用通知书给一名求职成功者郭庭光。

諾希山受委衛生總監



■诺希山阿都拉

（吉隆坡21日讯）政府首席秘书拿督斯里阿里韩沙宣布，副卫生总监拿督诺希山阿都拉正式受委为新任卫生总监，任期从今年3月1日起生效。

现年50岁的诺希山，将取代因幽会而被革职的前总监拿督斯里哈山阿都拉曼。

阿里韩沙今日发表文告指出，基於诺希山的表现，有关委任获得国家元首御准。

他相信，诺希山的经验、知识、专业及诚心，能履行其职责，为卫生部服务。

诺希山自1994年成为手术专科医生，2004年担任布城医院手术专科医务人员，2007年升任布城医院乳腺癌手术与普通手术局主任，较后于2008年2月1日受委副卫生总监。

毕业于国大的他，自1988年[illegible]为公务[illegible]

询时指出，公共服务委员会已将悬空多时的另一职位，即公共服务局总监人选名单，提呈给政府，当局预料会在近期内宣布人选。

他相信阿里韩沙在不久后，就会宣布出任上述职位人选。

公共服务局总监丹斯里阿布[illegible]卡于去年7月1日[illegible]

விரைவாக விண்ணப்பிக்குமாறு ஆணையத் தலைவர் வேண்டுகோள்

MALAYSIA NANBAN 13/1/2013 M/S 11

கோலாலம்பூர், ஜன.13–

இம்மாதம் 13ஆம் தேதி இரவு 11.59 மணிக்குள் PEMBANTU TADBIR KWANGAN GRED W17 மற்றும் PEMBANTU ANTIDADAH GRED S17 என்ற இரண்டு வேலைகளுக்கான விண்ணப் பங்களை அனுப்பி வைக்க வேண்டும். எஸ்பிஎ என்ற பொதுச்சேவை ஆணையத்தின் தலைவர் டான்ஸ்ரீ மாமூட் அடாம் வேண்டுகோள் விடுத்துள்ளார்.

உள்துறை அமைச்சில் போதைப் பொருள் ஒழிப்பு உதவியாளராக பணியாற்றுவதற்கு 82 பேரும் பொதுச்சேவை இலாகாவில் நிதிநிர்வாக உதவியாளராக பணியாற்றுவதற்கு 100 பேரும் தேவைப்படுகின்றனர் என்ற விவரங் களை இவர் வெளியிட்டுள்ளார்.

மலாய்க்காரர் அல்லாதவர் குறிப்பாக இந்திய விண்ணப்பதாரர் கள் இந்த விவரங்களை கருத்தில் கொண்டு செயல்பட வேண்டும். போதைப் பொருள் ஒழிப்பு உதவியாளர், நிதி நிர்வாக உதவியாளர் ஆகிய இந்த இரண்டு வகை பணிகளுக்கு எஸ்பிஎம் கல்வித்தகுதி கொண்டவர்கள் மட்டுமின்றி டிப்ளோமா, பட்டப்படிப்பு தகுதி கொண்டவர்களும் விண்ணப் பிக்கும் வண்ணம் இப்போது எஸ்பிஎ விதிமுறையில் திருத்தம் ஏற்பட் டுள்ளது.



www.spa.gov.my என்ற அகப் பக்கத்தில் விவரங்களை முறையாக வும் முழுமையாகவும் சேர்க்க வேண்டும் என்று எஸ்பிஎ பொதுச் சேவைத்துறை ஆணையத்தின் தலைவர் டான்ஸ்ரீ மாமூட் அடாம் அறிவுறுத்துகிறார்.

எஸ்பிஎயின் பொது தொடர்பு எண் 03-88856000. எஸ்பிஎயின் புதிய விதியின்படி ஒவ்வொரு விண்ணப்பம் 60 மாதங்களுக்கு செல்லுபடியாகும்.

ஏற்கெனவே இந்த இரண்டு வேலைகளுக்காக மனு செய்தவர்கள் மறுபடியும் மனு செய்ய வேண்டிய அவசியம் இல்லை என்கிறார் ஆணையத் தலைவர்.

வேலையில் தன்மை எப்படிப்பட்டது, அதற்கான சம்பளம், அனுகூலம் ஆகிய விவரங்களுக்கு http:www.spa.gov.my/portal/Deskripsi_Tugas என்ற அகப்பக் கத்தில் வழி விரிவாக தெரிந்துக் கொள்ளலாம்.

எல்லாவற்றிக்கும் மேலாக எஸ்பிஎ யின் அகப்பக்கமான www.spa.gov.my என்ற அகப்பக்கமானது சம்பந்தப்பட்ட அனைவருக்கும் அத்தடியாக இருக்க வேண்டும் என்று வலியுறுத்துகிறார் டான்ஸ்ரீ மாமூட் அடாம். இதன் தொடர்பிலான வழிகாட்டுதலுக்கு பெருஜி பெருமாள் 016-6241925 என்ற எண்ணில் தொடர்பு கொள்ளலாம்.

BH MS 4 9/2/2013

Kakitangan kontrak berpeluang diserap

Putrajaya: Kakitangan kontrak yang berkhidmat dengan kerajaan akan diserap ke jawatan tetap jika jawatan disandang sesuai dengan skop perkhidmatan dan ada kekosongan.

Kajian mengenainya sedang dilakukan tiga jawatankuasa khas yang ditubuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA).

Pengerusinya, Tan Sri Mahmood Adam, berkata tiga jawatankuasa khas akan mengkaji skop, skim dan kekosongan bagi memastikan mereka yang layak serta memenuhi syarat diserap sebagai kakitangan tetap.

"Ia bergantung kepada keadaan jawatan... jawatan itu ada atau tidak (di jabatan berkenaan), kalau jawatan itu tetap, dia boleh dilantik sebagai kakitangan tetap, tetapi jika jawatan itu memang jawatan kontrak dan tiada dalam jabatan, ini yang menjadi masalah.

"SPA bagaimanapun akan berbincang dengan JPA (Jabatan Perkhidmatan Awam) serta kementerian terbabit dan kita akan bantu atasi masalah ini," katanya selepas berdialog dengan sebahagian daripada 17,213 kakitangan kontrak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah di sini, semalam.

FAKTA NOMBOR

50,000

anggaran kakitangan awam kontrak berkhidmat di pelbagai kementerian

Gesaan CUEPACS

Sebelum ini, Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Datuk Omar Osman, menggesa penjawat awam berstatus kontrak diserap ke jawatan tetap.

